



KEMENTERIAN PENDIDIKAN
JABATAN PENDIDIKAN NEGERI SEMBILAN

Nota Pintar
Pendidikan Islam
Tingkatan 4 (KSSM)

Nama:

Tingkatan:

PANEL PENULIS: JU PENDIDIKAN ISLAM
SPI JPN NEGERI SEMBILAN

ISI KANDUNGAN NOTA PINTAR
PENDIDIKAN ISLAM TINGKATAN 4 (KSSM)

Bidang	No. Tajuk	Tajuk	Muka surat
Isi kandungan			2
Kata-kata Aluan Pengarah Jabatan Pendidikan Negeri Sembilan			3
Kata-kata Aluan Ketua Penolong Pengarah Kanan, SPI JPNS			
Kata-kata Aluan Ketua Penolong Pengarah, UPP, Pend. Islam, SPI JPNS			4
Kata-kata Aluan Penolong Pengarah, UPP, Pend. Islam, SPI JPNS			
Senarai nama panel			5
Bidang Al-Quran	1	Surah Al-An'am, ayat 162-163	6
	2	Unit 1 : Surah Al-Kahfi, ayat 101-106	7
		Unit 2 : Surah Al-Kahfi, ayat 107-110	8
	3	Hukum tajwid	9
	4	Larangan rasuah	12
	5	Memahami Sunnatulllah	13
	6	Larangan mempersendakan agama	14
	7	Dakwah pemacu kemajuan	15
Bidang Hadis	8	Hindari dosa-dosa besar	16
	9	Kemuliaan berdikari	19
Bidng Akidah	10	Allah maha pembalas dan maha perkasa	20
	11	Perkara yang membatalkan iman	21
	12	Hindari ajaran sesat	22
Bidang Ibadah	13	Haji dan umrah	23
	14	Sembelihan	33
	15	Korban dan akikah	35
	16	Muamalah Islam	36
	17	Solat sunat dhuha dan solat sunat gerhana	38
Bidang Sirah & Tamadun Islam	18	Kerajaan Khulafa' Ar-Rashidin	39
	19	Kerajaan Umaiyah	41
	20	Kerajaan Abbasiyah	42
	21	Keunggulan tokoh empat mazhab	44
Bidang Akhlak Islamiah	22	Bersikap benar menjauhi kemunafikan	45
	23	Khauf dan raja'	46
	24	Adab terhadap orang sakit dan kurang upaya	47
	25	Wasatiyah menjamin kecemerlangan umat	48



Kata-kata Aluan

PENGARAH PENDIDIKAN,
JABATAN PENDIDIKAN NEGERI SEMBILAN

بِسْمِ ٱللَّهِ ٱلرَّحْمَٰنِ ٱلرَّحِيمِ

Segala puji-pujian dipanjatkan kehadrat Allah SWT. Selawat dan salam ke atas Nabi Muhammad SAW didoakan kesejahteraan buat keluarga baginda, para sahabat dan tabiin.

Tahniah dan syabas saya ucapkan kepada Sektor Pendidikan Islam, Pejabat Pendidikan Daerah dan semua Jurulatih Utama Pendidikan Islam, Jabatan Pendidikan Negeri Sembilan kerana telah berjaya menerbitkan Nota Pintar Pendidikan Islam Tingkatan 4 (KSSM).

Saya percaya, buku ini akan membantu guru Pendidikan Islam dalam usaha membolehkan semua murid dapat menjadikan modul ini sebagai rujukan dalam meningkat dan melonjakkan kualiti pencapaian dalam peperiksaan yang dihadapi seterusnya menghayati dan mengamalkan nilai-nilai mulia dalam kehidupan.

Saya berharap semoga usaha murni ini akan dapat mempertingkatkan kualiti pengajaran dan pencapaian mata pelajaran Pendidikan Islam di sekolah. Marilah kita sama-sama berganding bahu merealisasikan matlamat untuk menyediakan pendidikan berkualiti bagi melahirkan anak yang baik lagi cerdik serta cemerlang di dunia dan di akhirat.

YBHG. DATO' HJ. MD. FIAH BIN MD. JAMIN
Pengarah Pendidikan,
Jabatan Pendidikan Negeri Sembilan.



Kata-kata Aluan

KETUA PENOLONG PENGARAH KANAN,
SEKTOR PENDIDIKAN ISLAM,
JABATAN PENDIDIKAN ISLAM NEGERI SEMBILAN.

بِسْمِ ٱللَّهِ ٱلرَّحْمَٰنِ ٱلرَّحِيمِ

Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Penyayang, Selawat dan salam ke atas junjungan Nabi Muhammad SAW.

Alhamdulillah, setinggi kesyukuran saya panjatkan kehadrat Ilahi kerana Nota Pintar Pendidikan Islam Tingkatan 4 (KSSM) dapat dihasilkan atas usaha dan kegigihan tenaga kerja Unit Pendidikan Islam Negeri Sembilan bersama Jurulatih Negeri sendiri. Mudah-mudahan melalui Nota Pintar ini dapat membantu guru Pendidikan Islam untuk dimanfaatkan sepenuhnya di sekolah masing-masing.

Semoga dengan bekalan Nota Pintar ini dapat membantu semua guru dalam proses pembelajaran dan pemudahcaraan yang dilaksanakan seterusnya melahirkan murid yang cemerlang dalam mata pelajaran Pendidikan Islam.

Sekian, wassalam

TN. MOHD WAZIR BIN HAMZAH
Ketua Penolong Pengarah Kanan,
Sektor Pendidikan Islam
Jabatan Pendidikan Negeri Sembilan.



Sekapur Sireh

KETUA PENOLONG PENGARAH,
UNIT PERANCANGAN DAN PEMBANGUNAN
PENDIDIKAN ISLAM, SEKTOR PENDIDIKAN
ISLAM, JPNS

بِسۡمِ ٱللَّهِ ٱلرَّحۡمَٰنِ ٱلرَّحِيمِ

الحمد لله رب العلمين، والصلاة والسلام على رسوله اجمعين.

Setinggi-tinggi kesyukuran kehadrat illahi atas limpah rahmat dan inayahnya diberi peluang untuk menyiapkan modul yang sangat bermanfaat ini.

Nota Pintar Pendidikan Islam Tingkatan 4 (KSSM) telah dihasilkan oleh beberapa orang Jurulatih Utama guru Pendidikan Islam di Negeri Sembilan. Seterusnya dinilai oleh jawatankuasa penyemak daripada Jabatan Pendidikan Negeri Sembilan. Ia disusun dan dibina bagi memudahkan murid untuk cemerlang dalam mata pelajaran Pendidikan Islam, seterusnya melahirkan anak yang baik lagi cerdik serta cemerlang di dunia dan di akhirat.

Adalah diharapkan agar modul ini dapat memberi manfaat kepada semua murid bagi meningkatkan tahap penghayatan pada tahap yang lebih baik. Wassalam.

MOHD NURUNNAZIF BIN JAMAL RASHID
Ketua Penolong Pengarah,
Unit Perancangan dan Pembangunan Pendidikan Islam,
Sektor Pendidikan Islam,
Jabatan Pendidikan Negeri Sembilan.



Penghargaan Pengurusan

PENOLONG PENGARAH,
UNIT PERANCANGAN DAN PEMBANGUNAN
PENDIDIKAN ISLAM, SEKTOR PENDIDIKAN
ISLAM, JPNS

بِسۡمِ ٱللَّهِ ٱلرَّحۡمَٰنِ ٱلرَّحِيمِ

Alhamdulillah bersyukur ke hadrat Ilahi dengan limpah rahmat serta nikmat yang dianugerahkan kepada kami, dapat juga kami menyiapkan Nota Pintar Pendidikan Islam Tingkatan 4 (KSSM) ini dengan penuh jayanya.

Kami ingin mendedikasikan ucapan penghargaan kepada Tuan Mohd Wazir bin Hamzah, Ketua Penolong Pengarah Kanan, Sektor Pendidikan Islam, Jabatan Pendidikan Negeri Sembilan serta Ustaz Mohd Nurunnazif bin Jamal Rashid, Ketua Penolong Pengarah, Unit Perancangan dan Pembangunan Pendidikan Islam, SPI JPNS atas kesudian beliau memberi tugasan ini kepada kami. Beliau juga banyak membantu kami sepanjang proses pembentukan tugasan ini berlaku. Kami juga mengucapkan ribuan terima kasih kepada pegawai Unit Pendidikan Islam, Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) Seremban, Kuala Pilah, Tampin, Port Dickson, Rembau dan Jempol Jelebu yang banyak membantu kami secara langsung atau tidak langsung sepanjang proses merealisasikan tugasan ini.

Akhir madah, kami mengucapkan terima kasih kepada rakan-rakan yang bertungkus lumus menyumbangkan idea dan tenaga sepanjang pembikinan modul ini. Semoga usaha yang murni ini mendapat keberkatan dan rahmat dari Yang Maha Esa.

MOHD SYAIFUL BIN MOHD SALLEH
Penolong Pengarah,
Unit Perancangan dan Pembangunan Pendidikan Islam,
Sektor Pendidikan Islam,
Jabatan Pendidikan Negeri Sembilan.

SENARAI AHLI PANEL
MODUL NOTA PINTAR PENDIDIKAN ISLAM TINGKATAN EMPAT
TAHUN 2020 & 2022

BIL	NAMA	JABATAN
1	Mohd Nurunnazif Bin Jamal Rashid	SPI, JPNS
2	Muhamad Faisol Bin Zaini	SPI, JPNS
3	Ustaz Mohd Syaiful bin Mohd Salleh	SPI, JPNS
4	Hajah Normala Binti Tomadi	PPD Kuala Pilah
5	Anuwar Bin Mohamad	PPD Rembau
6	Hasfizal Bin Omar	PPD Tampin
7	Ismail Bin Hussain	PPD Jempol Jelebu
8	Mohd Sofie Bin Razali	PPD Port Dickson
9	Hajah Asyirah Binti Zakaria	PPD Seremban
10	Rizal Bin Kemis	SMK Jelai Felda, Gemas
11	Kyairaniah Binti Abu Hassan	SMK Juasseh
12	Che Razizuwati Binti Che Wan	SMK Batu Kikir Model Khas
13	Azlina Binti Zainal	SMK Alam Beraja
14	Nor Aisah Binti Abbas	SMK Seri Ampangan
15	Zalifah Binti Kadir	SMK Dato' Undang Haji Adnan

BIL	NAMA	JABATAN
16	Afifah Binti Mustafar	SMK Jelai Kuala Pilah
17	Nor Ehsan Bin Nordin	SMK Tuanku Abdul Rahman
18	Mohd Imanuddin Bin Abdullah	SMK Tinggi Port Dickson
19	Abdul Hadi Bin Salleh	SMK Pasir Besar
20	Mohd Nazif Bin Arifin	SM Sains Tuanku Jaafar
21	Noorazni Binti Ishak	SMK Tunku Kurshiah
22	Azhar Bin Sufin	SMK Senawang
23	Norazuraida Binti Md Daud	SMK Sedia Raja
24	Wangi Wardahti Binti Samnu	SM Teknik Tuanku Jaafar
25	Rozilah Hanum Binti Othman	SMK Methodist ACS
26	Suhita Binti Yeop Johari	SMK Bandar Baru Serting
27	Tajul Azhar Bin Harun	SMK Pedas
28	Zuraizah Binti Zakaria	SMK Seremban 2
29	Habibah Binti Abd. Hamid	SMK Intan Perdana
30	Zaleha Binti Ismail	SMK Mantin

PELAJARAN 1 : SURAH AL-AN'AM, AYAT 162-163
AYAT HAFAZAN

Maksud ayat :

- Katakanlah: "Sesungguhnya solatku dan ibadahku, hidupku dan matiku hanyalah untuk Allah, tuhan yang mentadbir sekelian alam. (162)
- Tiadalah sekutu baginya, dan dengan yang demikian sahaja aku diperintahkan dan aku ialah orang Islam yang awal pertama yang berserah diri kepada Allah. (163)

Intisari ayat :

- Solat ialah tonggak kepada segala amalan seseorang muslim.
- Segala ibadah yang dilakukan perlu mengikut syariat nabi Muhammad s.a.w.
- Kehidupan di dunia perlu dipenuhi dengan melaksanakan perintah Allah dan Rasulullah s.a.w supaya bahagia di dunia dan di akhirat.
- Menyerah segala urusan kehidupan dan sesudah kematian kepada Allah.
- Keikhlasan ialah faktor utama segala ibadah diterima oleh Allah.
- Umat Islam wajib menjauhi syirik kerana syirik merupakan larangan Allah.
- Umat Islam wajib memohon hanya kepada Allah kerana dia ialah tuhan sekelian alam.



PELAJARAN 2 : UNIT 1 : SURAH AL-KAHFI, AYAT 101-106
AYAT HAFAZAN

Maksud ayat :

- Orang yang matanya telah tertutup daripada melihat tanda-tanda yang membawa kepada mengingatiku dan mereka pula tidak dapat mendengar sama sekali. (101)
- Maka adalah orang kafir menyangka bahawa mereka mengambil hamba-hambaku sebagai makhluk yang disembah selain aku, dapat menolong mereka? Sesungguhnya kami telah sediakan neraka jahanam bagi orang kafir itu sebagai tempat tetamu. (102)
- Katakanlah, "Mahukah kami khabarkan kepada kamu akan orang yang rugi amal-amal perbuatannya?" (103)
- Orang yang sia-sia usahanya dalam kehidupan dunia ini sedang mereka menyangka bahawa mereka sentiasa betul pada apa yang dilakukan oleh mereka. (104)
- Merekalah orang yang ingkar akan ayat-ayat tuhan mereka dan pertemuan dengannya, maka gugurlah amal-amal mereka, maka kami tidak akan memberikan timbangan untuk menilai amal mereka, pada hari kiamat kelak. (105)
- Demikianlah, balasan mereka ialah neraka jahanam, disebabkan mereka ingkar, dan mereka menjadikan ayat-ayatku dan rasul-rasul-Ku sebagai ejek-ejekan. (106)

Intisari ayat :

- Orang yang telah tertutup pintu hatinya tidak akan dapat melihat tanda-tanda kekuasaan Allah.
- Allah menyediakan neraka jahanam bagi sesiapa sahaja yang mensyirikkan-Nya.
- Orang yang mempersendakan ayat Allah dan menghina para rasul-Nya ialah golongan yang rugi.
- Orang yang ingkar perintah Allah akan ditolak amal kebaikan pada hari kiamat kelak.

ٱلَّذِينَ كَانَتْ أَعْيُنُهُمْ فِي غِطَآءٍ عَن ذِكْرِي وَكَانُوا۟ لَا يَسْتَطِيعُونَ
سَمْعًا ﴿١٠١﴾ أَفَحَسِبَ ٱلَّذِينَ كَفَرُوٓا۟ أَن يَتَّخِذُوا۟ عِبَادِي مِن
دُونِيٓ أَوْلِيَآءَ ۚ إِنَّآ أَعْتَدْنَا جَهَنَّمَ لِلْكَٰفِرِينَ نُزُلًا ﴿١٠٢﴾ قُلْ هَلْ نُنَبِّئُكُمْ
بِٱلْأَخْسَرِينَ أَعْمَٰلًا ﴿١٠٣﴾ ٱلَّذِينَ ضَلَّ سَعْيُهُمْ فِي ٱلْحَيَوٰةِ ٱلدُّنْيَا
وَهُمْ يَحْسَبُونَ أَنَّهُمْ يُحْسِنُونَ صُنْعًا ﴿١٠٤﴾ أُو۟لَٰٓئِكَ ٱلَّذِينَ كَفَرُوا۟
بِـَٔايَٰتِ رَبِّهِمْ وَلِقَآئِهِۦ فَحَبِطَتْ أَعْمَٰلُهُمْ فَلَا نُقِيمُ لَهُمْ يَوْمَ
ٱلْقِيَٰمَةِ وَزْنًا ﴿١٠٥﴾ ذَٰلِكَ جَزَآؤُهُمْ جَهَنَّمُ بِمَا كَفَرُوا۟ وَٱتَّخَذُوٓا۟
ءَايَٰتِي وَرُسُلِي هُزُوًا ﴿١٠٦﴾

PELAJARAN 2 : UNIT 2 : SURAH AL-KAHFI, AYAT 107-110
AYAT HAFAZAN

Maksud ayat :

- Sesungguhnya orang yang beriman dan beramal soleh, disediakan bagi mereka syurga-syurga firdaus, sebagai tempat tetamu. (107)
- Mereka kekal di dalamnya, dan tidak ingin berpindah kepadanya. (108)
- Katakanlah: "Kalau semua jenis lautan menjadi tinta untuk menulis kalimah-kalimah tuhanku, sudah tentu akan habis kering lautan itu sebelum habis kalimah-kalimah tuhanku, walaupun kami tambahi lagi dengan lautan yang sebanding dengannya, sebagai bantuan." (109)
- Katakanlah: "Sesungguhnya aku hanyalah seorang manusia seperti kamu, diwahyukan kepadaku bahawa tuhan kamu hanyalah tuhan yang satu, maka sesiapa yang berharap akan bertemu tuhannya, hendaklah ia mengerjakan amal yang soleh, dan janganlah ia mempersekutukan sesiapa pun dalam ibadahnya kepada tuhannya. (110)

Intisari ayat :

- Allah akan mengurniakan syurga firdaus kepada orang yang beramal soleh.
- Orang yang beramal soleh akan kekal di dalam syurga firdaus.
- Kehebatan dan keluasan ilmu Allah tiada tandingannya.
- Para rasul dilantik dalam kalangan manusia yang diberikan wahyu untuk disampaikan kepada umatnya.
- Orang yang rindu untuk bertemu dengan tuhannya akan sentiasa beramal soleh serta menjauhi perbuatan syirik.

إِنَّ ٱلَّذِينَ ءَامَنُواْ وَعَمِلُواْ ٱلصَّٰلِحَٰتِ كَانَتۡ لَهُمۡ جَنَّٰتُ ٱلۡفِرۡدَوۡسِ
نُزُلًا ﴿١٠٧﴾ خَٰلِدِينَ فِيهَا لَا يَبۡغُونَ عَنۡهَا حِوَلٗا ﴿١٠٨﴾ قُل لَّوۡ كَانَ
ٱلۡبَحۡرُ مِدَادٗا لِّكَلِمَٰتِ رَبِّي لَنَفِدَ ٱلۡبَحۡرُ قَبۡلَ أَن تَنفَدَ كَلِمَٰتُ
رَبِّي وَلَوۡ جِئۡنَا بِمِثۡلِهِۦ مَدَدٗا ﴿١٠٩﴾ قُلۡ إِنَّمَآ أَنَا۠ بَشَرٞ مِّثۡلُكُمۡ
يُوحَىٰٓ إِلَيَّ أَنَّمَآ إِلَٰهُكُمۡ إِلَٰهٞ وَٰحِدٞۖ فَمَن كَانَ يَرۡجُواْ لِقَآءَ رَبِّهِۦ
فَلۡيَعۡمَلۡ عَمَلٗا صَٰلِحٗا وَلَا يُشۡرِكۡ بِعِبَادَةِ رَبِّهِۦٓ أَحَدَۢا ﴿١١٠﴾

PELAJARAN 3 : HUKUM TAJWID

Maksud Mad Silah :
Mad Silah ialah mad yang terdapat selepas huruf ha' dhomir yang berbaris kasrah (bawah) atau berbaris dhomah. (depan)

ـهِۦ	ـهُۥ	ـهِۦ	ـهُۥ

Maksud Ha' Dhomir :
Huruf ha' simpul yang merujuk kepada ganti nama diri ketiga yang bermaksud "nya".

Bahagian	Maksud	Contoh Kalimah	Cara bacaan
Mad Silah Qasirah	Apabila ha' dhomir terletak di antara dua huruf berbaris bertemu dengan huruf hijaiyah **selain huruf hamzah** (ء) pada dua kalimah berlainan.	لَا تَأْخُذُهُۥ سِنَةٌ	2 harakat
		إِلَّا بِإِذْنِهِۦ يَعْلَمُ	
		وَلَا يَـُٔودُهُۥ حِفْظُهُمَا	
Mad Silah Towilah	Apabila ha' dhomir terletak di antara dua huruf berbaris bertemu dengan **huruf hamzah** (ء) pada dua kalimah berlainan.	عِندَهُۥٓ إِلَّا بِإِذْنِهِۦ	4 atau 5 harakat
		عِلْمِهِۦٓ إِلَّا بِمَا شَآءَ	
		فِى رَبِّهِۦٓ أَنْ	

PELAJARAN 3 : HUKUM TAJWID

Maksud Mad Lazim :
Huruf mad bertemu dengan huruf yang bertanda sukun (mati) ketika bacaan secara wasal atau wakaf.

Bahagian Mad Lazim :

1. **Mad Lazim Kalimi :**
   Huruf mad bertemu dengan huruf bertanda sukun dalam satu kalimah.
2. **Mad Lazim Harfi :**
   Huruf mad yang terdapat pada "Fawatihus Suwar" bertemu huruf yang bertanda sukun yang ejaannya menjadi hukum mad asli.

Fawatihus Suwar :
Potongan ayat yang terdapat pada pembukaan surah.

Idgham :
Dimasukkan bunyi huruf pertama kepada huruf kedua

Bahagian	Jenis	Maksud	Contoh kalimah	Cara / kadar bacaan
Mad Lazim Kalimi (Kalimah)	Mad Lazim Kalimi Mukhaffaf	Huruf mad bertemu dengan huruf bertanda sukun yang **tidak bershaddah** dalam satu kalimah dan **tidak dibaca secara idgham.**	ءَآلْـَٰٔنَ وَقَدْ كُنتُم بِهِۦ ءَآلْـَٰٔنَ وَقَدْ عَصَيْتَ	6 harakat
	Mad Lazim Kalimi Muthaqqal	Huruf mad bertemu dengan huruf bertanda sukun yang **bershaddah** dalam satu kalimah dan **dibaca secara idgham.**	وَلَا ٱلضَّآلِّينَ قَالَ أَتُحَآجُّوٓنِّي فِي ٱللَّهِ	6 harakat
Mad Lazim Harfi (Huruf)	Mad Lazim Harfi Mukhaffaf	Huruf mad yang terdapat pada Fawatihus Suwar bertemu huruf bertanda sukun yang **tidak dibaca secara idgham.**	صٓ ۚ وَٱلْقُرْءَانِ ذِى ٱلذِّكْرِ عٓسٓقٓ	6 harakat
	Mad Lazim Harfi Muthaqqal	Huruf mad yang terdapat padat Fawatihus Suwar bertemu huruf bertanda sukun yang **dibaca secara idgham.**	الٓمٓ طسٓمٓ	6 harakat

PELAJARAN 3 : HUKUM TAJWID			
Maksud Qalqalah : • Bunyi lantunan ketika menyebut huruf-huruf qalqalah.		Huruf Qalqalah : Ada lima ب ج د ق ط Ba, Jim, Dal, Qaf dan Tho **Akronim :** BAJUDENKOTO	
Bahagian	**Maksud**	**Contoh Kalimah**	**Cara Bacaan**
Qalqalah Sugra	Huruf qalqalah yang berbaris **sukun (mati) pada pertengahan** kalimah atau pada **hujung** kalimah ketika bacaan secara **wasal.**	سَنُقْرِئُكَ فَلَا تَنسَىٰٓ وَتَصَدَّقْ عَلَيْنَآ	Bunyi lantunan **yang rendah** ketika menyebut huruf qalqalah yang **berbaris sukun (mati).**
Qalqalah Kubra	Huruf qalqalah yang berbaris **sukun** atau **sukun (mati) yang mendatang** berada pada **hujung** kalimah ketika bacaan secara **wakaf.**	ثَمَٰنِيَ حِجَجٍ وَلَمْ يُولَدْ	Bunyi lantunan **yang kuat** ketika menyebut huruf qalqalah **ketika wakaf.**
Qalqalah Akbar	Huruf qalqalah yang berbaris **shaddah pada hujung kalimah** ketika bacaan secara **wakaf.**	وَلَا جِدَالَ فِي ٱلْحَجِّ قُلِ ٱللَّهُ يَهْدِي لِلْحَقِّ	Bunyi lantunan **lebih kuat** ketika menyebut huruf qalqalah **ketika wakaf.**

AYAT KEFAHAMAN / PELAJARAN 4 / TINGKATAN 4	PELAJARAN 4 : LARANGAN RASUAH SURAH AL-BAQARAH : AYAT 188
وَلَا تَأْكُلُوٓا۟ أَمْوَٰلَكُم بَيْنَكُم بِٱلْبَٰطِلِ وَتُدْلُوا۟ بِهَآ إِلَى ٱلْحُكَّامِ لِتَأْكُلُوا۟ فَرِيقًا مِّنْ أَمْوَٰلِ ٱلنَّاسِ بِٱلْإِثْمِ وَأَنتُمْ تَعْلَمُونَ ﴿١٨٨﴾ (سورة البَقَرَة، 2: اية 188)	**Maksud ayat:** " Dan janganlah kamu makan (atau mengambil) harta (orang lain) antara kamu dengan jalan yang salah dan jangan pula kamu memberikan rasuah kepada para hakim kerana hendak memakan (atau mengambil) sebahagian daripada harta manusia dengan dosa sedangkan kamu mengetahui salahnya. "

Larangan Allah berdasarkan ayat :
- Mengambil harta orang lain dengan cara yang salah.
- Memberikan rasuah kepada para hakim.

Contoh mengambil harta dengan cara yang salah

• Rasuah • Judi • Merompak • Salah guna kuasa	• Riba • Mencuri • Menipu

Pengertian Rasuah :
Sebarang pemberian atau suapan yang bertujuan memalsukan kebenaran dan membenarkan kepalsuan.

Bentuk kesalahan rasuah
- Meminta atau menerima rasuah
- Menawarkan atau memberikan rasuah
- Mengemukakan tuntutan palsu
- Menyalahgunakan kedudukan atau jawatan untuk kepentingan tertentu

Spektrum Ilmu / Contoh rasuah:
- **Memalsukan Kebenaran** : Memberikan rasuah kepada seseorang agar menyimpan rahsia supaya kebenaran tidak dibongkar.
- **Membenarkan Kepalsuan**. Memberikan rasuah untuk meluluskan tender sehingga menutup peluang orang lain yang lebih layak.

Faktor / punca orang melakukan rasuah :
- Lemah iman.
- Jahil ilmu pengetahuan agama.
- Ingin cepat kaya.
- Terpengaruh dengan kemewahan hidup.
- Terpengaruh dengan hawa nafsu dan tamak haloba.

Kesan perbuatan rasuah kepada individu:
- Allah SWT dan Rasul-Nya melaknat pemberi dan penerima rasuah.
- Menjadikan individu hilang harga diri kerana perbuatan itu berdosa.
- Mendapat azab di akhirat kelak
- Dibenci dan dipandang hina oleh masyarakat
- Akan didenda dan dipenjarakan
- Hidup tidak diberkati Allah SWT kerana memakan hasil yang haram

Kesan perbuatan rasuah kepada masyarakat:
- Meningkatkan kes jenayah dalam masyarakat kerana sifat mementingkan diri sendiri.
- Masyarakat menjadi mundur , tertindas dan dizalimi kerana berlaku ketidakadilan dalam masyarakat
- Masyarakat hidup dalam ketakutan kerana kadar jenayah meningkat
- Masyarakat menjadi huru hara dan tidak bermoral

Kesan perbuatan rasuah kepada negara :
- Melumpuhkan ekonomi negara akibat daripada kos pengurusan yang meningkat
- Maruah negara runtuh di mata dunia dan dipandang rendah oleh negara lain
- Pelabur luat tidak berminat melabur dalam negara.
- Keselamatan negara terjejas
- Pembangunan negara terbantut kerana projek-projek yang dijalankan tidak berkualiti

Spektrum Ilmu
Abu Hurairah RA dan Abdullah bin Umar meriwayatkan bahawa Rasulullah SAW bersabda ; maksudnya :
" Rasulullah SAW melaknat orang yang memberikan dan menerima rasuah."

Langkah mengatasi masalah rasuah
- Mendalami ilmu agama dengan belajar bersungguh-sungguh.
- Melaporkan kepada pihak berkuasa sebarang aktiviti rasuah
- Sentiasa mengingati Allah setiap masa.
- Meningkatkan keimanan dengan menyakini bahawa pelaku rasuah akan diazab diakhirat kelak
- Sentiasa berakhlak mahmudah dalam setiap tindakan
  Menguatkuasakan undang-undang tentang rasuah.

Peranan masyarakat untuk membanteras rasuah:
- Melaporkan sebarang aktiviti rasuah kepada pihak berkuasa
- Mengadakan kempen kesedaran bagi menjauhi gejala rasuah.

Pengajaran ayat
- Kita hendaklah mencari rezeki yang halal agar tidak menyalahi syariat Islam
- Kita hendaklah menjauhkan diri daripada memberikan rasuah supaya kita tidak menzalimi diri dan masyarakat
- Kita hendaklah mengelakkan diri daripada melakukan sumpah palsu untuk mendapatkan kepentingan tertentu.

AYAT KEFAHAMAN / PELAJARAN 5 / TINGKATAN 4

PELAJARAN 5 : MEMAHAMI SUNNAHTULLAH
SURAH AL- IMRAN : AYAT 137-139

قَدْ خَلَتْ مِن قَبْلِكُمْ سُنَنٌ فَسِيرُوا۟ فِى ٱلْأَرْضِ فَٱنظُرُوا۟ كَيْفَ كَانَ عَـٰقِبَةُ ٱلْمُكَذِّبِينَ ﴿١٣٧﴾ هَـٰذَا بَيَانٌ لِّلنَّاسِ وَهُدًى وَمَوْعِظَةٌ لِّلْمُتَّقِينَ ﴿١٣٨﴾ وَلَا تَهِنُوا۟ وَلَا تَحْزَنُوا۟ وَأَنتُمُ ٱلْأَعْلَوْنَ إِن كُنتُم مُّؤْمِنِينَ ﴿١٣٩﴾

Maksud ayat:
" Sesungguhnya telah berlaku sebelum kamu sunnah-sunnah (peraturan dan ketetapan Allah) maka mengembaralah kamu dimuka bumi kemudian , perhatikanlah bagaimana kesudahan golongan pendusta, (137) (Al-Quran) ini adalah penerangan kepada seluruh umat manusia dan petunjuk serta pengajaran bagi orang yang (hendak) bertaqwa(138). Dan janganlah kamu berasa lemah dan janganlah kamu berdukacita padahal kamulah orang yang tertinggi (darjatnya) jika kamu orang yang beriman." (139)

Sebab-sebab turun ayat 139 Surah Ali Imran.
Ibnu Abbas RA berkata : Ketika para sahabat Nabi SAW mengalami kekalahan dalam Perang Uhud, lalu Rasulullah SAW berdoa : Ya Allah, janganlah Engkau biarkan mereka menewaskan kami, Ya Allah, tiada daya melainkan kekuatanMu, Ya Allah, tiada lagi yang akan menyembahMu kecuali kumpulan kami ini, maka bantulah kami, lalu turunlah ayat ini "

Spektrum Ilmu :
Perang Uhud berlaku pada tahun ke-3 hijrah / 625 masihi antara tentera Islam dengan kaum kafir Quraisy. Peperangan ini dinamakan perang Uhud kerana berlaku di Bukit Uhud.

Konsep Sunnatullah

Maksud Sunnatullah ialah sistem dan peraturan yang ditetapkan oleh Allah SWT terhadap semua makhluk dan tiada sesiapa yang boleh menghalang atau mengubah ketetapan tersebut.

Sunnatullah meliputi perkara berikut :
1. Sunnahtullah bersifat tetap dan kekal dengan izin Allah SWT.
2. Sunnahtullah merangkumi semua makhluk.
3. Sunnahtullah berasaskan kepada konsep sebab, musabab dan akibat. Contohnya , kejadian awan dan hujan berlaku melalui proses penyejatan dan kondensasi .

Spektrum Ilmu :
Fenomena kerosakan yang berlaku di muka bumi adalah sebagai satu bentuk pendidikan dan peringatan kepada manusia agar kembali kepada landasan dan matlamat hidup yang sebenar berteraskan syariat Islam.

Kepentingan mengkaji dan meneliti sejarah umat dahulu :

1. Dapat mengenal pasti kejayaan umat terdahulu.

Contoh	Sebab Kejayaan	Akibat
Kaum Nabi Yusuf	Menyimpan bekalan musim menuai atas nasihat Nabi Yusuf AS.	Selamat menghadapi kemarau selama tujuh tahun
Thalut dan tenteranya	Mempunyai kelebihan ilmu pengetahuan dan tubuh yang kuat	Dapat menewaskan tentera Jalut yang ramai

2. Dapat mengetahui sebab kemusnahan umat terdahulu.

Contoh	Sebab Kemusnahan	Akibat
Kaum Thamud (umat Nabi Saleh)	Bersifat angkuh dan menuduh Nabi Saleh pendusta.	Dibinasakan dengan petir dan gempa bumi yang dahysat
Kaum Lut (umat Nabi Lut)	Ingkar perintah Allah SWT dengan mengamalkan homoseks	Dibinasakan dengan bumi diterbalikkan

3. Dapat dijadikan iktibar dalam kehidupan dengan berpegang teguh pada akidah yang benar dan berakhlak mulia.

Kesan Memahami Sunnatullah :
1. Menyakini setiap yang berlaku dalam kehidupan mengikut ketetapan dan kehendak Allah SWT yang Maha Bijaksana.
2. Merancang strategi dengan teliti dalam setiap tindakan untuk mencapai kejayaan.
3. Menerima ketetapan Allah SWT dengan bersikap positif dalam setiap keadaan.
4. Mengkaji dan menyelidiki kajian alam untuk pembangunan dan kemajuan umat Islam.
5. Membentuk jati diri dan semangat jihad yang tinggi dalam berdepan dengan cabaran kehidupan.

Pengajaran Ayat

1. Kita hendaklah menyakini bahawa Allah SWT telah mengatur kehidupan manusia bersesuaian dengan peraturan dan ketetapan-Nya.
2. Kita hendaklah menjadi pengembara dimuka bumi supaya dapat mengetahui dan menyelidiki Sunnatullah.
3. Kita hendaklah mengkaji dan menyelidiki sejarah umat terdahulu agar menjadi pedoman dalam kehidupan.
4. Kita hendaklah menyakini bahawa Al-Quran ialah petunjuk kearah kebenaran bagi orang yang beriman dan bertaqwa.
5. Kita hendaklah menjauhi sikap lemah dan mudah berputus asa ketika menerima ujian dalam kehidupan.
6. Kita hendaklah menjaga keimanan agar beroleh kedudukan yang tinggi disisi Allah SWT.

AYAT KEFAHAMAN / TAJUK 6 / TINGKATAN 4	PELAJARAN 6 : LARANGAN MEMPERSENDAKAN AGAMA SURAH AL-AN'AM : AYAT 70
وَذَرِ ٱلَّذِينَ ٱتَّخَذُوا۟ دِينَهُمْ لَعِبًا وَلَهْوًا وَغَرَّتْهُمُ ٱلْحَيَوٰةُ ٱلدُّنْيَا ۚ وَذَكِّرْ بِهِۦٓ أَن تُبْسَلَ نَفْسٌۢ بِمَا كَسَبَتْ لَيْسَ لَهَا مِن دُونِ ٱللَّهِ وَلِىٌّ وَلَا شَفِيعٌ وَإِن تَعْدِلْ كُلَّ عَدْلٍ لَّا يُؤْخَذْ مِنْهَآ ۗ أُو۟لَٰٓئِكَ ٱلَّذِينَ أُبْسِلُوا۟ بِمَا كَسَبُوا۟ ۖ لَهُمْ شَرَابٌ مِّنْ حَمِيمٍ وَعَذَابٌ أَلِيمٌۢ بِمَا كَانُوا۟ يَكْفُرُونَ ﴿٧٠﴾	Maksud ayat: "Dan tinggalkanlah orang yang menjadikan agama mereka sebagai permainan dan gurauan. Serta mereka telah ditipu oleh kehidupan dunia. Ingatkanlah (mereka) dengan al-Quran itu agar diri masing-masing tidak terjerumus (ke dalam neraka) disebabkan apa-apa yang telah diusahakannya. Tidak ada baginya pelindung dan tidak juga pemberi syafaat selain daripada Allah SWT. Jika dia hendak menebus (dirinya) dengan segala jenis tebusan, pasti tidak akan diterima daripadanya. Mereka itulah orang yang dihancurkan oleh Allah disebabkan apa-apa yang diusahakan oleh mereka. Bagi mereka disediakan minuman daripada air panas yang mengelegak dan azab yang pedih kerana mereka kufur. (ketika hidupnya)."

Maksud mempersendakan agama :
Semua tindakan sama ada melalui hati, lisan dan perbuatan yang bertujuan merendahkan martabat agama Islam.

Balasan mempersendakan agama berdasarkan ayat :
- Diberi minuman dari air panas yang menggelegak
- Dikenakan azab siksaan yang pedih.

Golongan yang mempersendakan agama dan pengertiannya :
- **Musyrikin** : Kaum yang menyekutukan Allah SWT
- **Munafik** : Orang menyembunyikan kekufuran dan menzahirkan keislaman
- **Murtad** : Orang yang keluar agama Islam
- **Asi** : Orang yang melanggar perintah Allah SWT.

Bentuk perbuatan mempersendakan Islam ialah :
- Berasa bangga mempersendakan nama Allah SWT.
- Mengejek dan menghina Sunnah Rasulullah SAW.
- Menghina golongan ulama dan orang soleh.
- Mentafsir al-Quran menghikut hawa nafsu dan logik akal semata-mata.
- Menyanjung perbuatan maksiat.
- Menghalalkan yang haram dan mengharamkan yang halal.
- Melanggar syariat Islam seperti tidak solat dan tidak puasa.
- Tidak menutup aurat.
- Mengamalkan ajaran sesat.

Cara menjaga kesucian Islam ialah :
- Memperkasakan program keilmuan berbentuk bimbingan disemua lapisan masyarakat.
- Mencontohi keperibadian mulia Rasulullah SAW.
- Meningkatkan kualiti ibadah fardhu dan sunat demi menjamin keutuhan akidah.
- Meninggalkan segala perbuatan yang boleh mencemarkan kesucian agama Islam.
- Mengamalkan tuntutan amar makruf nahi mungkar dalam kehidupan.
- Penguatkuasaan undang-undang dengan mengenakan hukuman dan denda yang berat kepada pesalah.

Kesan / akibat mempersendakan agama ialah:
- Boleh membatalkan iman
- Tidak dipandang oleh Allah SWT di akhirat.
- Tidak mendapat kejayaan di dunia dan di akhirat
- Akidah menjadi rosak.
- Mendapat azab neraka.
- Dibenci dan tidak dihormati orang lain.
- Jiwa sentiasa resah gelisah.
- Segala kebaikan menjadi sia-sia.

Faktor yang mendorong seseorang mempersendakan agama ialah
- Kurang/lemah pendidikan agama.
- Lemah iman dalam diri.
- Terpengaruh dengan hawa nafsu dan kemewahan dunia.
- Terpengaruh dengan rakan yang berakhlak buruk.
- Mahu hidup bebas tanpa batasan agama.

Cara mengatasi perbuatan orang yang suka mempermainkan agama ialah :
- Memberi nasihat supaya bertaubat kepada Allah SWT.
- Mengingatkan tentang balasan azab terhadap golongan mempersendakan agama.
- Melaporkan kepada pihak yang berwajib supaya perbuatan tersebut dapat dibenteras.

Pengajaran ayat :
- Kita hendaklah menjauhkan diri daripada golongan yang mempersendakan agama demi menjaga kesucian Islam.
- Kita hendaklah menyedari bahawa perbuatan menjadikan agama sebagai alat permainan dan gurauan ialah sebahagian daripada tipu daya dunia.
- Kita hendaklah sentiasa memberikan peringatan kepada orang yang mempersendakan agama berpandukan ajaran al-Quran dan al-Sunnah
- Kita hendaklah meyakini bahawa Allah SWT tidak akan memberikan perlindungan dan syafaat kepada orang yang mempersendakan agama.
- Kita hendaklah menyedari perbuatan mempersendakan agama akan diazab oleh Allah SWT dengan siksaan api neraka.
- Kita hendaklah mempertahankan kesucian Islam dengan pendekatan yang terbaik.

Ciri orang yang mempersendakan agama
- Menyanjung perbuatan maksiat.
- Menghina orang yang bertakwa.
- Bangga apabila melanggar larangan Allah SWT.
- Memperkecilkan tuntutan agama.

Kewajipan seorang muslim untuk memelihara agama ialah:
- Memelihara kesucian agama dengan melaksanakan perintah Allah SWT dan menjauhi laranganNya.
- Melakukan amal soleh dan berakhlak mulia.
- Menentang sebarang kemungkaran.
- Melaksanakan amar makruf nahi mungkar

AYAT KEFAHAMAN / TAJUK 7 / TINGKATAN 4	PELAJARAN 7 : DAKWAH PEMACU KEMAJUAN SURAH FUSILAT : AYAT 33
وَمَنْ أَحْسَنُ قَوْلًا مِّمَّن دَعَآ إِلَى ٱللَّهِ وَعَمِلَ صَٰلِحًا وَقَالَ إِنَّنِى مِنَ ٱلْمُسْلِمِينَ ﴿٣٣﴾	**Maksud ayat :** "Dan siapakah yang lebih baik perkataannya daripada orang yang menyeru manusia kepada Allah dan beramal soleh. Dan berkata sesungguhnya aku daripada kalangan orang Islam."

Intisari ayat :
- Allah SWT sangat bangga dengan hambanya yang sentiasa berdakwah di jalan-Nya.
- Berdakwah mengajak manusia kepada mengesakan dan mematuhi perintah Allah SWT dan beramal soleh adalah pekerjaan yang paling baik dan mulia di sisi Allah SWT.
- Allah SWT menegaskan bahawa perkataan yang paling baik adalah perkataan yang diucapkan oleh para pendakwah kerana mereka tidak berkata kecuali perkara kebenaran.
- Setiap kalimah yang perkataan yang mereka ucapkan semata-mata untuk menyebarkan kebaikan dan kedamaian bagi seluruh manusia.
- Semua muslim adalah da'ie (pendakwah) dan wajib menjalankan tugas tersebut.

Maksud dakwah :
- Menyeru supaya melakukan perkara yang diperintah oleh Allah SWT dan meninggalkan laranganNya.

Hukum berdakwah :
- Hukum berdakwah adalah wajib
- Kewajipan ini tertaklif ke atas segenap lapisan muslim samada individu, masyarakat atau pemerintah disetiap masa mengikut kemampuan masing-masing.
- Dakwah tidak boleh dipertanggungjawabkan ke atas bahu satu-satu golongan sahaja seperti imam, alim ulama' dan guru agama sahaja
- Malah ia merupakan tanggungjawab semua orang Islam keseluruhannya.

Tuntutan dalam ayat :
- Berdakwah
- Beramal soleh
- Menjadikan Islam sebagai cara hidup

Dakwah	Berdakwah ialah mengajak dan menyeru manusia supaya takut kepada Allah SWT dengan pendekatan yang terbaik **Cara dakwah / pendekatan terbaik :** • Hikmah dan nasihat • Pengajaran yang baik • Berbahas atau berbincang secara baik
Beramal soleh	Amalan soleh ialah perbuatan baik yang dilakukan mengikut panduan Al-Quran dan As –Sunnah dengan niat untuk mendekatkan diri kepada Allah SWT. **Contoh amalan soleh :** • Ibadat khusus seperti solat • Ibadat umum seperti berakhlak mulia
Menjadikan Islam sebagai cara hidup	Setiap muslim dituntut supaya menjadikan Islam sebagai cara hidup, iaitu melaksanakan ajaran Islam dalam semua bidang kehidupan. **Akibat mengabaikan cara hidup Islam** : • di hina oleh Allah

Ciri-ciri pendakwah yang unggul :
- Niat yang ikhlas kerana Allah SWT
- Sentiasa melakukan penyucian jiwa
- Melazimi berzikir, bertasbih, qiamullail, membaca al-Qruan dan mengamalkan ibadah nawafil yang lain
- Memantapkan ilmu pengetahuan terutama dalam bidang agama Islam
- Sentiasa mendekatkan diri kepada Allah
- Memahami konsep fiqh dakwah yang sebenar
- Memiliki kesungguhan dan kesabaran yang tinggi

Pengajaran ayat :
- Kita hendaklah berdakwah kerana dakwah ialah sunah Rasul
- Kita hendaklah beramal soleh supaya menjadi contoh kepada orang lain
- Kita hendaklah menjadikan Islam sebagai cara hidup yang sempurna agar berjaya hidup di dunia dan akhirat

Spektrum Ilmu :
- **MUQRI**: Pakar rujuk Tilawah Al-Quran dalam kalangan sahabat rasulullah SAW ialah:
  1. Abdullah bin Masúd
  2. Salim maula Abi Huzaifah
  3. Ubay bin Ka'ab
  4. Muaz bin Jabal

Spektrum Ilmu :
Imam Ibnu Katsir menjelaskan ayat : وَقَالَ إِنَّنِى مِنَ ٱلْمُسْلِمِينَ
Maksud :
Seorang pendakwah itu terlebih dahulu mendapat petunjuk, daripada seruan dakwahnya, maka dakwah itu bermanfaat untuk dirinya, dan untuk orang lain.

Spektrum Ilmu :
Saidina Umar b. Al-Khattab berkata: Maksudnya Kita ialah golongan yang dimuliakan Allah, dengan Islam. Jika kita mencari kemuliaan yang lain daripadanya, kita akan dihina oleh Allah. (Kitab al-Mustadrak al-Hakim)

HADIS / TAJUK 8 / TINGKATAN 4			PELAJARAN 8 : HINDARI DOSA-DOSA BESAR			
 عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رضي الله عنه عَنِ النَّبِيِّ ﷺ قَالَ: اجْتَنِبُوا السَّبْعَ الْمُوبِقَاتِ. قَالُوا: يَا رَسُولَ اللَّهِ! وَمَا هُنَّ؟ قَالَ: الشِّرْكُ بِاللَّهِ وَالسِّحْرُ وَقَتْلُ النَّفْسِ الَّتِي حَرَّمَ اللَّهُ إِلاَّ بِالْحَقِّ، وَأَكْلُ الرِّبَا، وَأَكْلُ مَالِ الْيَتِيمِ، وَالتَّوَلِّي يَوْمَ الزَّحْفِ، وَقَذْفُ الْمُحْصَنَاتِ الْمُؤْمِنَاتِ الْغَافِلَاتِ. (متفق عليه)			Pengertian Hadis : Jauhilah tujuh perkara yang merosakkan. Sahabat bertanya: Wahai Rasulullah apakah perkara itu? Baginda bersabda : Syirik kepada Allah SWT dan sihir, dan membunuh jiwa yang diharamkan oleh Allah SWT kecuali dengan kebenaran, dan makan riba, dan makan harta anak yatim, dan lari daripada medan perang, dan membuat tuduhan berzina terhadap wanita yang beriman yang suci dan terpelihara (daripada maksiat)		**Tujuh dosa besar yang terkandung dalam hadis :** 1. Syirik kepada Allah SWT 2. Sihir 3. Membunuh 4. Makan riba 5. Makan harta anak yatim 6. Lari daripada medan perang 7. Qazaf – menuduh perempuan yang baik berzina	
Perkara	**Pengertian**	**Bah / Contoh**	**Kesan**	**Cara Mengatasi**	**Faktor Berlaku**	**Catatan**
SYIRIK	**Pengertian Syirik :** Menyekutukan Allah SWT dengan sesuatu pada zat, sifat dan af'alnya (perbuatan)	**1. Syirik Jali:** Melakukan amalan syirik secara terang-terangan. **Contoh Syirik Jali :** • Menyembah patung / berhala • Meyakini Nabi Isa AS. sebagai anak tuhan • Meyakini alam dikuasai oleh selain Allah SWT	**Kesan Syirik Jali :** • Merosakkan akidah • Terbatal iman	**Cara Mengatasi :** • Melengkapkan diri dengan kefahaman Islam • Menyebarkan ajaran Islam kepada masyarakat • Melibatkan diri dengan program yang bercirikan agama seperti forum, seminar dan ceramah	**Faktor Berlaku :** • Lemah pegangan agama • Jahil dengan hukum Islam • Tiada penghayatan agama dalam diri	**Spektrum Ilmu :** Abu Musa Al-Ash'ari meriwayatkan bahawa Rasulullah SAW bersabda "Wahai manusia, berhati-hati dengan perbuatan syirik kerana sesungguhnya syirik itu lebih tersembunyi daripada semut yang melata".
		2. Syirik Khafi: Melakukan sesuatu amalan bukan tujuan kerana Allah SWT. **Contoh Syirik Khafi :** • Melakukan solat kerana mengharapkan pujian manusia (riyak) • Berasa hebat dengan amalan sendiri (ujub) • Sombong dengan kelebihan duniawi yang dilakukan (takbur)	**Kesan Syirik Khafi :** • Merosakkan pahala amalan.			

Perkara	Pengertian	Bah / Contoh	Kesan	Cara Mengatasi	Faktor Berlaku	Catatan
SIHIR	**Pengertian Sihir :** Perbuatan yang memudharatkan orang lain dengan bantuan jin	**Contoh Sihir :** • Santau • Pukau • Minyak pengasih • Pelaris	**Akibat sihir :** • Mengakibatkan kesakitan tubuh badan • Mencetuskan pergaduhan • Memporak-perandakan rumah tangga • Menyebabkan kematian	**Cara Mengatasi :** • Menggiatkan usaha-usaha dakwah dan majlis-majlis ilmu • Penguatkuasaan undang-undang • Menghayati ajaran Islam dalam kehidupan	**Faktor berlaku :** • Lemah pegangan agama • Jahil dengan hukum Islam • Terpengaruh dengan hawa nafsu	Amalan yang boleh menghindarkan diri daripada sihir : • Membaca surah al-Fatehah • Membaya ayat Kursi • Membaca surah al-Ikhlas • Membaca surah Surah al-Falaq dan surah an-Nas
MEM BUNUH	**Pengertian Membunuh :** Perbuatan menghilangkan nyawa seseorang	**Contoh membunuh :** • Menembak dengan senjata api • Menikam dengan pisau • Meletakkan racun dalam makanan dan minuman	**Kesan membunuh :** • Menyusahkan keluarga mangsa pembunuhan • Memporak-perandakan kehidupan masyarakat		**Spektrum Ilmu :** Hadis Rasulullah SAW: "Sesiapa yang membunuh seorang kafir yang berada dalam perjanjian dengan negara Islam, dia tidak akan mencium bau syurga, sedangkan bau syurga dapat dicium dari jarak 40 tahun perjalanan."	
MAKAN RIBA	**Pengertian Makan Riba :** Pertambahan bayaran dalam urusan pertukaran barang dan hutang piutang.	**Contoh makan riba' :** • Hutang yang menetapkan faedah bayaran dengan peratusan tertentu **Jenis Riba :** **1. Riba Al-fadl** : Pertambahan kerana pertukaran barang sejenis **2. Riba An-Nasiah:** Pertambahan kerana penangguhan bayaran.	**Kesan makan riba :** • Mengakibatkan penindasan • Melumpuhkan ekonomi umat islam • Memutuskan silaturrahim • Diazab oleh Allah SWT • Dibenci oleh masyarakat	**Cara Mengatasi :** • Memperbanyakkan perbankkan Islam • Mengadakan skim pinjaman secara Islam	**Faktor berlaku :** • Kemiskinan yang menyebabkan orang suka berhutang • Berhutang untuk berseronok • Mudah terpengaruh dengan tawaran pinjaman	**Spektrum Ilmu :** **Firman Allah : (al-Baqarah:279)** Maksud: Maka Jika kamu tidak melakukan (perintah tinggalkan riba itu). Maka ketahuilah bahawa Allah dan rasulnya akan memerangimu dan Jika kamu bertaubat, Maka hak kamu ialah pokok asal harta kamu. Kamu tidak berlaku zalim kepada sesiapa dan kamu juga tidak dizalimi oleh sesiapa.
MAKAN HARTA ANAK YATIM	**Pengertian makan harta anak yatim :** Menggunakan harta anak yatim dengan cara yang tidak dibenarkan oleh hukum syarak.	**Contoh makan harta anak yatim :** • Membelanjakan untuk kegunaan peribadi pemegang amanah secara berlebih-lebihan • Menyalahgunakan harta anak yatim	**Kesan makan harta anak yatim :** • Mengakibatkan penindasan • Menjejaskan hubungan kekeluargaan • Memutuskan silaturrahim • Diazab oleh Allah SWT • Dibenci oleh masyarakat **Kesan kepada anak yatim**: • Akan kehilangan punca pendapatan apabila dewasa • Hidup terbiar /melarat	**Cara Mengatasi :** • Amalkan cara hidup Islam yang sebenar • Sentiasa bersifat kasih sayang dan tolong menolong	**Faktor berlaku :** • Tiada penghayatan Islam dalam diri • Terpengaruh dengan hawa nafsu.	**Anak Yatim** : Kanak-kanak yang kematian bapa sebelum umur baligh **Harta Anak Yatim** : Harta kanak-kanak yang kematian bapa yang diperolehi melalui pusaka, wasiat dan hadiah.

<table>
<tr><th>Perkara</th><th>Pengertian</th><th>Bah / Contoh</th><th>Kesan</th><th>Cara Mengatasi</th><th>Faktor Berlaku</th><th>Catatan</th></tr>
<tr><td rowspan="2">LARI DARI MEDAN PERANG</td><td rowspan="2">Pengertian lari dari medan perang
Meninggalkan medan peperangan menghadapi musuh</td><td rowspan="2">Contoh lari dari medan perang
• Melarikan diri daripada pasukan yang sedang bertempur menghadapi serangan musuh
• Enggan mempertahankan Negara apabila diarahkan</td><td rowspan="2">Kesan lari dari medan perang :
• Keselamatan umat Islam dan Negara akan terancam
• Negara terdedah kepada penjajahan dan campur tangan asing
• Dipandang hina oleh masyarakat
• Merendahkan martabat agama dan umat Islam</td><td>Cara mengatasi :
• Tanamkan keyakinan terhadap pertolongan Allah
• Tanamkan semangat jihad yang tinggi dalam diri
• Semaikan rasa cinta terhadap agama Islam</td><td>Faktor berlaku :
• Lemah iman
• Tidak yakin
• Terpengaruh dengan hawa nafsu</td><td rowspan="2">Perang Jihad : Peperangan orang Islam dengan orang kafir untuk mempertahankan kesucian agama Islam

Syarat wajib berperang:
1. Islam
2. Berakal
3. Baligh
4. Berkeupayaan</td></tr>
<tr><td colspan="2">Spektrum Ilmu :
Abu Hurairah meriwayatkan bahawa Rasulullah SAW bersabda: Maksudnya ;
Berbahagialah seorang hamba yang memacu tali kuda perangnya dijalan Allah, kusut rambutnya, dan berdebu kakinya.</td></tr>
<tr><td rowspan="2">QAZAF</td><td rowspan="2">Pengertian Qazaf :
Menuduh wanita Islam yang baik melakukan perzinaan tanpa membawa saksi</td><td rowspan="2">Contoh Qazaf :
• Percakapan atau pertuduhan yang jelas seperti “kamu telah berzina” atau memanggil seseorang wanita “wahai penzina”</td><td rowspan="2">Kesan Qazaf :
• Menjatuhkan maruah tertuduh
• Mencetuskan perbalahan
• Tekanan jiwa

Hukuman Qazaf :
Hukuman terhadap orang yang melakukan qazaf ialah 80 sebatan</td><td>Cara mengatasi :
• Melengkapkan diri dengan ilmu agama
• Menghayati nilai mulia</td><td>Faktor berlaku :
• Lemah iman
• Kurang didikan agama
• Ingin lihat orang lain menderita</td><td rowspan="2">Syarat manjatuhkan hukuman qazaf :
• Penuduh mesti berakal, baligh dan tidak dipaksa.
• Penuduh bukan bapa atau datuk tertuduh.</td></tr>
<tr><td colspan="2">Spektrum Ilmu :
Maksud Al-Ghafilat adalah orang yang bersih hati dan pemikirannya daripada lintasan dan niat untuk melakukan perzinaan dan sentiasa memelihara diri daripada terjebak ke dalam maksiat.
(Wahbah al-Zuhayli: Tafsir al-Munir)</td></tr>
<tr><td colspan="7">Pengajaran hadis :
• Kita hendaklah sentiasa memelihara diri daripada perbuatan syirik kerana syirik boleh merosakkan akidah.
• Kita hendaklah menghindarkan diri daripada perbuatan membunuh kerana membunuh melanggar hak asasi manusia.
• Kita hendaklah bersikap amanah dalam mengurus harta anak yatim untuk memelihara hak orang lain.
• Kita hendaklah mempertahankan keamanan negara supaya Islam dapat ditegakkan
• Kita hendaklah menghindarkan diri daripada menuduh orang berzina tanpa bukti supaya maruah umat Islam terpelihara.</td></tr>
</table>

PELAJARAN 9: KEMULIAAN BERDIKARI

عَنْ أَبِيْ هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ : قَالَ رَسُوْلُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ : لَأَنْ يَحْتَطِبَ أَحَدُكُمْ حُزْمَةً عَلَى ظَهْرِهِ خَيْرٌ لَهُ مِنْ أَنْ يَسْأَلَ أَحَدًا فَيُعْطِيَهُ أَوْ يَمْنَعَهُ (رواه البُخَارِي)	**Pengertian hadis :** Jika seseorang daripada kamu mengumpul kayu api dan menanggungnya di atas belakangnya (untuk dijual) pasti lebih baik daripada dia meminta-minta kepada seseorang, lalu orang itu memberi kepadanya atau menolaknya.	**Maksud Berdikari :** Berdikari ialah berusaha sendiri dan tidak bergantung pada bantuan orang lain.
Konsep berdikari : 1. Menggunakan potensi diri yang dikurniakan oleh Allah SWT seperti kekuatan tubuh badan dan kecerdikan akal untuk perkara yang bermanfaat. 2. Membebaskan diri daripada bergantung pada pihak lain demi memelihara maruah dan kemuliaan diri. 3. Meyakini kemampuan diri untuk melaksanakan sesuatu tugasan. 4. Berazam dengan hemah yang tinggi untuk meningkatkan kualiti diri, masyarakat dan negara. 5. Berusaha dengan bersungguh-sungguh untuk menyara kehidupan.	**Kelebihan berdikari :** 1. ***Agama*** : - Menjadikan Islam dipandang tinggi kerana umatnya rajin berusaha. 2. ***Ekonom***i : - Mendapat sumber pendapatan yang diyakini halal. 3. ***Pendidikan*** : - Melahirkan modul insan yang berkepakaran tinggi melalui penerokaan ilmu dan kemahiran. 4. ***Kemasyarakatan*** : - Memperkasakan daya saing masyarakat untuk mempertingkat taraf kehidupan.	**Pengajaran Hadis:** • Kita hendaklah memandang mulia kepada pekerjaan yang halal walaupun hasilnya sedikit. • Kita hendaklah menghindari perbuatan meminta-minta dan bergantung pada orang lain demi memelihara kemuliaan dan maruah diri. • Kita hendaklah mencari ilmu dan kemahiran untuk mendapatkan pendapatan yang lebih baik. • Kita hendaklah membantu orang yang memerlukan pertolongan mengikut keupayaan agar hidup dirahmati .
Spektrum Ilmu : Antara pekerjaan para nabi dan rasul untuk menyara kehidupan keluarga termasuklah : • Nabi Adam : Petani • Nabi Idris : Tukang jahit • Nabi Musa : Penternak kambing • Nabi Daud : Tukang besi • Nabi Zakaria : Tukang kayu • Nabi Muhammad s.a.w : Pengembala kambing dan peniaga	**Spektrum Ilmu :** Hadis Rasulullah s.a.w bermaksud : Tidak memakan seseorang sesuatu makanan yang lebih baik daripada memakan daripada hasil kerja tangannya sendiri dan sesungguhnya nabi Allah Daud a.s makan daripada hasil kerja baginda sendiri.	**Spektrum Ilmu :** Hadis Rasulullah s.a.w bermaksud : Makanan yang kamu usahakan untuk dirimu ialah sedekah, makanan yang kamu usahakan untuk anakmu ialah sedekah, makanan yang kamu usahakan untuk isterimu ialah sedekah, dan makanan yang kamu usahakan untuk pekerjamu ialah sedekah.

<table>
<tr><th colspan="3">PELAJARAN 10 : ALLAH MAHA PEMBALAS DAN MAHA PERKASA</th></tr>
<tr><td>Maksud Al-Muntakim :
Nama Allah yang menunjukkan bahawa Allah SWT Maha Pembalas dengan menimpakan azab terhadap orang yang melampaui batas.

Info :
Al-Muntakim merupakan antara Asmaul Husna atau nama-nama Allah yang ke-81
Kata Al-Muntakim tidak ditemukan dalam al-Quran tetapi terdapat dalam bentuk jamak, iaitu “muntakimun”.
Disampin itu, disebutkan istilah “Zu Intikam” (pemilik pembalasan) dalam al-Quran disebut sebanyak 4 kali iaitu :
Surah Ali Imrah : ayat 4
Surah al-Maidah : ayat 95
Surah Ibrahim : ayat 47
Surah az-Zumar : ayat 37</td><td>Dalil naqli nama Allah SWT al-Muntakim :

Surah Az-Zuhruf, ayat 43 :

Maksud : “Maka kalaulah kami wafatkan engkau, sesungguhnya kami <u>tetap akan menyeksa mereka</u>.”</td><td>Kefahaman mengenai nama Allah SWT Al-Muntakim :
Allah SWT memberikan pembalasan dengan siksaan neraka terhadap orang yang menolak peringatan al-Quran.
Allah menimpakan azab dalam peristiwa “ad-Dukhan”, iaitu kaum Quraish ditimpakan dengan kemarau panjang sehingga debu seperti asap menutupi mereka kerana mereka menolak dakwah Rasulullah saw.
Allah SWT memberikan pembalasan terhadap golongan yang menentang agamanya setelah diutuskan rasul dan diberi keterangan yang jelas.
Sebelum diturunkan azab, Allah akan memberi peringatan demi peringatan ketika manusia berterusan melakukan dosa agar mereka bertaubat demi kasih sayang dan rahman-Nya.</td></tr>
<tr><td rowspan="2">Maksud Al-Jabbar :
Nama Allah yang menunjukkan bahawa Allah SWT yang Maha Berkuasa secara mutlak untuk melakukan segala kehendak-Nya.

Info :
Perkataan al-Jabbar hanya disebut sekali dalam al-Quran bagi menunjukkan sifat Allah, tetapi sebanyak 9 kali disebut sebagai sifat manusia yang angkuh.
Perkataan al-Jabbar dijumpai dalam setiap rakaat sembahyang yang dibaca ketika duduk antara dua sujud, iaitu berdoa “wajburni” yang bermaksud cukuplah aku ya Allah.
Allah bersifat al-Jabbar (mencukupkan) kepada hambanya dalam tiga keadaan :
Allah mencukupkan kepada sesiapa yang berusaha dengan bersungguh-sungguh.
Allah mencukupkan kepada orang yang bertawakal kepada-Nya
Allah akan mencukupkan hamba-Nya dengan berdoa.</td><td rowspan="2">Dalil naqli nama Allah SWT al-Jabbar :

Surah al-Hasyr, ayat 23 :

Maksud : “Dialah Allah yang tiada tuhan kecuali Dia, yang menguasai (seluruh alam), yang Maha Suci, yang Maha Sejahtera, yang Maha melimpahkan keamanan, yang Maha memelihara keselamatan, yang Maha Perkasa<u>, yang Maha Berkuasa</u>, yang memiliki segala keagungan, Maha Suci Allah SWT daripada apa yang mereka persekutukan.”</td><td>Kefahaman mengenai nama Allah SWT Al-Jabbar :
Allah SWT memiliki dan menguasai seluruh alam. Semua makhluk berada dalam pemerintahan Allah SWT .
Allah SWT tidak boleh dipersoalkan perbuatannya. Setiap perbuatan Allah SWT mengandungi hikmah yang tersembunyi.
Manusia wajib bersifat merendah diri kerana Allah SWT akan mencampakkan makhluknya yang bersikap takabbur dan bongkak ke dalam neraka jahannam.
Sifat al-Jabbar (Berkuasa/perkasa) tidak tunduk dengan hukum atau perintah sesiapapun sebaliknya perintah dan hukum dari Allah yang wajib dilaksanakan oleh hamba-Nya
Allah SWT adalah Yang Maha Berkuasa mencukupkan segala keperluan dan memperbaiki seluruh keadaan hamba-Nya serta berkuasa membiarkan seseorang dalam keadaan yang tidak mencukupi.
Hanya Allah SWT sahaja yang boleh merasa angkuh kerana Dialah yang berkuasa di atas segala sesuatu.</td></tr>
<tr><td>Manusia tidak layak memiliki sifat al-Jabbar kerana :
Manusia diciptakan sebagai hamba kepada Allah
Manusia memiliki banyak kekurangan dan kelemahan</td><td>Kepentingan penghayatan terhadap sifat al-Jabbar :
Menjadikan diri lebih bersyukur dan redha dengan ketentuan Allah
Meletakkan segala pengharapan dan pertolongan hanya kepada Allah
Menyelamatkan diri daripada kemungkaran dan kemurkaan Allah serta patuh terhadap suruhan dan larangan Allah.</td></tr>
</table>

PELAJARAN 11 : PERKARA YANG MEMBATALKAN IMAN

Iman terbatal melalui :
1. Iktikad
2. Perkataan
3. Perbuatan

Iman terbatal melalui :
1. **Iktikad**: Tidak percaya atau ragu-ragu dengan perkara yang berkaitan dengan perkara berkaitan dengan Al-Uluhiyah (Ketuhanan), An-Nubuwah (Kenabian), perkara al-Ghaibiyat (ghaib) dan as-Syariah.
2. **Perkataan**: Percakapan yang mengandungi pengakuan kufur, atau penafian akidah Islam atau mempersendakan hukum-hakam Islam.
3. **Perbuatan**: Melakukan perbuatan atau amalan yang jelas menunjukkan kekufuran.

1. IKTIKAD : Contoh iktikad yang membatalkan iman :

Al -Uluhiyah (Ketuhanan)	• Mengingkari kewujudan Allah SWT sebagai pencipta (al-Khalik). • Mengingkari sifat kesempurnaan Allah SWT seperti Allah Maha Mendengar dan Maha Melihat. • Menyifatkan Allah SWT dengan sifat yang tidak layak bagi Allah SWT. • Menyakini kewujudan kuasa lain yang memerintah alam .
An-Nubuwwah (Kenabian)	• Mengingkari kenabian dan kerasulan salah seorang atau semua Nabi dan Rasul. • Mengingkari kerasulan Nabi Muhammad SAW sebagai rasul dan nabi terakhir.
Al-Ghaibiyat (ghaib)	• Mengingkari hari kiamat atau peristiwa yang berlaku di Mahsyar dan pembalasan syurga dan neraka. • Mengingkari kewujudan alam barzakh atau azab kubur. • Mengingkari kewujudan malaikat dan jin.
As -Syariat	• Mengingkari rukun Islam atau satu daripadanya. • Mengingkari hukum yang ditetapkan oleh Allah SWT seperti mengingkari pengharaman zina atau menghalalkan liwat dan musahaqah. • Beriktikad bahawa undang-undang syariat berteraskan al-Quran dan As-Sunnah ialah undang-undang yang lapuk dan tidak sesuai diamalkan .

2. PERKATAAN : Contoh perkataan yang membatalkan iman :

Pengakuan yang mengandungi kufur	• " saya tidak lagi beragama Islam" • "al-Quran sudah tidak sesuai lagi diamalkan"
Penafian akidah Islam	• "saya tidak percaya adanya malaikat Raqib dan Atid" • "Rasulullah SAW pun buat dosa"
Persendakan hukum-hakam Islam.	• "zaman sekarang tidak perlu menutup aurat lagi" • "Bilal itu telah menyalak seperti anjing"

3. PERBUATAN : Contoh perbuatan yang membatalkan iman

- Sujud kepada berhala atau mahkluk dengan sengaja.
- Meletakkan peralatan agama lain dan memberikan penghormatan kepadanya.
- Melakukan upacara ibadah agama lain
- Mengoyak mushaf al-Quran atau meletakkan ayat suci al-Quran, hadis, nama-nama Allah SWT, rasul, malaikat dan buku agama di tempat yang tidak sesuai dengan tujuan menghina atau merendah-rendahkannya .

Syarat terbatal iman :
- Mengetahui perkara yang dilakukan membawa diri kepada kufur.
- Mengingkari perkara asas dalam Islam seperti perkara yang berkaitan dengan rukun iman dan rukun Islam.
- Melakukan perkara yang jelas membawa diri kepada kufur.
- Melakukan sesuatu perkara dengan sengaja dan pilihan sendiri tanpa sebarang paksaan.

Kesan melakukan perkara yang membatalkan iman :
- Rosak segala amalan soleh dan ibadah yang dilakukan.
- Tidak diampunkan dosanya oleh Allah SWT sekiranya tidak bertaubat dan kembali kepada Islam.
- Diharamkan memasuki syurga, sebaliknya akan kekal didalam neraka.
- Hilang hak terhadap harta pusaka yang ditinggalkan oleh keluarga muslim.

Nota :
Orang yang dipaksa untuk melafazkan perkataan kufur hingga boleh mengancam nyawa dikecualikan dari hukum kufur dan murtad.

Cara menjauhi perkara yang membatalkan iman :

Cara	Keterangan
Ilmu	Mendalami ilmu akidah Islam supaya dapat mendalami batas-batas iman dan kufur .
Sahabat	Bersahabat dengan orang soleh yang dapat membimbing diri kepada kebaikan .
Amal	Melakukan amalan soleh yang boleh mengukuhkan keimanan dan keyakinan kepada Allah SWT dan Rasul.
Kaji	Memastikan sesuatu kepercayaan dan amalan berdasarkan al-Quran dan As-Sunnah .
Doa	Berdoa dan memohon petunjuk Allah agar sentiasa istiqamah di atas agama Islam .
Taubat	Sentiasa beristighfar dan memohon keampunan daripada Allah SWT atas dosa dan kesalahan yang dilakukan .

PELAJARAN 12 : HINDARI AJARAN SESAT

Maksud ajaran sesat :
Ajaran / amalan yang didakwa sebagai ajaran Islam sedangkan hakikatnya bercanggah dengan al-Quran dan as-Sunnah.

Cara menjauhi ajaran sesat :
- Mempelajari akidah yang sebenar berdasarkan manhaj ahli al-Sunnah wal-Jama'ah
- Menghindarkan diri daripada bergaul dengan orang yang dicurigai ilmu dan amalannya
- Memastikan amalan yang dilakukan benar-benar mengikut panduan al-Quran dan al-Sunnah
- Mencari maklumat daripada sumber yang sahih supaya tidak terpengaruh dengan ajaran sesat
- Berdoa memohon petunjuk agar sentiasa berada di jalan yang benar
- Bertaubat kepada Allah SWT atas keterlanjuran mengikuti dan beramal dengan ajaran sesat

Ciri-ciri ajaran sesat :

Aspek Al-Quran dan Al-Hadis	• Memahami dan mentafsir al-Quran dengan logik akal semata-mata tanpa mengikut disiplin ilmu yang betul • Menyakini bahawa terdapat al-Quran lain yang tersembunyi • Hanya berpegang dengan al-Quran dan menolak hadis sebagai sumber hukum Islam
Aspek Aqidah	• Mengaku menjadi nabi atau rasul • Mendakwa diri atau gurunya sebagai Imam al-Mahdi • Mendakwa gurunya dapat menebus dosa • Memuja makhluk untuk mendapat sesuatu kelebihan • Mempercayai semua agama benar dan menuju ke syurga • Menolak alam ghaib seperti roh, malaikat dan jin
Aspek Ibadat	• Menolak kewajipan ibadat fardhu • Beribadat hanya berzikir bagi menggantikan solat • Menunaikan ibadat haji di tempat yang dianggap suci selain Makkah al-Mukarramah • Menghalalkan perzinaan atas nama nikah
Aspek Akhlak	• Mengejek, merendah-rendahkan dan mempersendakan sahabat Nabi SAW • Bersikap taksub dengan ajaran guru sehingga menganggap hanya kumpulannya yang benar • Memperkecil amalan mesyarakat berdasarkan sunnah Rasulullah SAW sebaliknya berbangga dengan amalan yang bertentangan dengan syariat Islam

Kesan melakukan ajaran sesat :

Agama	• Melemahkan iman dan merosakkan akidah • Menjatuhkan imej umat Islam
Ekonomi	• Melahirkan individu yang pasif dan malas • Membelanjakan wang pada perkara yang tidak berfaedah
Politik	• Mengugat kestabilan politik akibat tindakan keganasan • Mewujudkan suasana politik yang tidak harmoni akibat taksub kepada pemimpin kumpulan
Kemasyarakatan	• Membentuk Individu masyarakat yang bersikap agresif dan kasar • Memutuskan hubungan silaturrahim dan persaudaraan Islam

Spektrum Ilmu :
Hadis Rasulullah SAW yang bermaksud: Aku tinggalkan kepada kamu dua perkara yang kamu tidak akan sesat sekiranya berpegang dengannya, iaitu kitab Allah (al-Quran) dan sunah nabinya (al-Hadis).

Spektrum Ilmu :
Liberalisme agama: Aliran pemikiran yang menyeru kepada kebebasan dan keterbukaan dalam mentafsir agama.

Spektrum Ilmu :
Pluralism agama: Aliran yang menganggap semua agama sama dan membawa kebaikan.

Spektrum Ilmu :
Hadis Rasulullah SAW yang bermaksud: Dan tidak akan berlaku kiamat sehingga dibangkitkan dajal-dajal yang penipu hampir tiga puluh orang. Mereka mendakwa sebagai Rasul Allah.

PENGERTIAN	RUKUN	WAJIB	HUKUM	CATATAN

HAJI

Bahasa :
Tujuan dan maksud

Istilah Syarak :
Mengunjungi Baitullah al-Haram pada bulan –bulan haji untuk mengerjakan ibadah tertentu menurut syarat-syaratnya.

RUKUN HAJI

1. Niat Ihram
2. Wukuf diPadang Arafah
3. Tawaf
4. Sa'ie
5. Bercukur
6. Tertib pada kebanyakan rukun

WAJIB HAJI

1. Niat ihram di miqat
2. Meninggalkan Larangan Ihram
3. Bermalam di Muzdalifah
4. Melontar Jamratul Kubra
5. Bermalam di Mina
6. Melontar ketiga-tiga jamrah

WAJIB

- Sekali seumur hidup bagi mukallaf dan berkemampuan
- Qada' – Haji @ Umrah terdahulunya terbatal
- Bernazar

SUNAT

- Jika ditunaikan berulang – ulang
- Bagi kanak-kanak yang belum baligh

Ibadah haji telah disyariatkan pada : 5 hijrah
Bulan-bulan haji : 1. Syawal 2. Zulkaedah 3. Hingga 13 Zulhijah

	Perkara	Rukun Haji	Rukun Umrah
1	Niat Ihram	/	/
2	Wukuf	/	X
3	Tawaf	/	/
4	Sa'ie	/	/
5	Bercukur	/	/
6	Tertib	/	/

UMRAH

Bahasa :
Ziarah

Istilah Syarak :
Mengunjungi Baitullah al-Haram pada bila-bila masa untuk mengerjakan ibadah tertentu menurut syarat-syaratnya.

RUKUN UMRAH

1. Niat Ihram
2. Tawaf
3. Sa'ie
4. Bercukur
5. Tertib pada semua rukun

(Tiada wukuf)

WAJIB UMRAH

1. Niat ihram di miqat
2. Meninggalkan Larangan Ihram

	Perkara	Wajib Haji	Wajib Umrah
1	Niat Ihram di miqat	/	/
2	Meninggalkan larangan ihram	/	/
3	Bermalam di Muzdalifah	/	X
4	Melontar Jamrah al-Kubra	/	X
5	Bermalam di Mina	/	X
6	Melontar ketiga-tiga jamrah	/	X

PERSAMAAN

Aspek	Haji dan Umrah
Rukun	• Tawaf Ifadhah • Sa'ie • Bercukur
Perkara Wajib	• Larangan Ihram • Mempunyai Miqat Makani

PERBEZAAN

Aspek	Haji	Umrah
Waktu	Dikerjakan pada bulan-bulan haji sahaja	Pada bila-bila masa sepanjang tahun
Rukun	Wajib wukuf	Tiada wukuf
Perkara Wajib	Bermalam di Muzdalifah	Tiada bermalam di Muzdalifah
	Melontar Jamrah al-Kubra	Tiada melontar Jamrah al- Kubra
	Bermalam di Mina	Tiada bermalam di Mina
	Melontar ketiga-tiga jamrah	Tiada melontar ketiga-tiga jamrah

SYARAT WAJIB HAJI DAN UMRAH		
1	Islam	Tidak diwajibkan kepada orang kafir
2	Baligh	Cukup umur, tidak wajib kepada kanak-kanak
3	Berakal	Waras tidak wajib kepada orang gila
4	Merdeka	Tidak wajib kepada hamba
5	Berkuasa / Istito'ah	Mampu dari segi kesihatan, kewangan dan keselamatan

MAKSUD BERKEMAMPUAN	
1	Cukup perbelanjaan mengerjakan haji dan umrah pergi dan balik
2	Cukup keperluan nafkah asas bagi orang di bawah tanggungan
3	Ada kenderaan pergi dan balik
4	Aman perjalanan pergi dan balik
5	Sihat tubuh badan
	KHUSUS BAGI PEREMPUAN
6	Mendapat keizinan suami atau walinya
7	Ditemani oleh suami atau mahram atau perempuan yang boleh dipercayai

RUKUN HAJI		Amalan yang mesti dilakukan dalam ibadah haji dan jika tertinggal salah satunya, maka hajinya tidak sah dan wajib qada' semula				
	Rukun Haji	**Pengertian**	**Syarat**	**Masa**	**Hikmah**	**Catatan**
1	Niat Ihram	Berniat menunaikan haji		**Masa :** Dilakukan di miqat setelah memakai ihram.	• Setiap perkara itu mempunyai permulaan dan pengakhiran	
2	Wukuf	Berada di padang Arafah walaupun seketika bermula dari masuk waktu zuhur 9 Zulhijah hingga sebelum masuk waktu subuh pada 10 Zulhijah		**Masa :** • Bermula dari masuk waktu zuhur 9 Zulhijah • Hingga sebelum masuk waktu subuh pada 10 zulhijah	• Meningkatkan keimanan kepada Allah. • Mengingat tempat pertemuan semula Nabi Adam dan Hawa • Membuktikan persamaan taraf antara orang kaya dan miskin • Untuk mengingati perhimpunan semula manusia di Padang Mahsyar pada hari akhirat nanti.	Antara waktu yang mustajab untuk berdoa ialah ketika wukuf di Arafah
3	Tawaf	Mengelilingi Kaabah sebanyak 7 pusingan bermula di penjuru Hajar al-Aswad dan berakhir pada sudut yang sama menurut syarat-syarat tertentu.	• Menutup aurat • Suci dari hadas • Cukup 7 kali pusingan dengan yakin • Bermula dari penjuru Hajar al-Aswad. • Mengirikan Kaabah • Di dalam Masjidil Haram • Berjalan dengan tujuan tawaf	**Masa :** • Haji : Dilakukan selepas wuquf • Umrah : Dilakukan selepas niat ihram	• Meningkatkan keimanan kepada Allah. • Menumpukan perhatian terhadap kebesaran Allah. • Menguji kesabaran seseorang muslim. **SuSu** – **Su**nat – **Su**nat **QuSu** – **Qu**dum – **Su**nat **WaWa** – **Wa**da' – **Wa**jib **IfaWA** – **Ifa**dah - **Wa**jib	**Jenis Tawaf** • Tawaf Sunat – Tawaf yang disunatkan (Sunat) • Tawaf Qudum – Tawaf selamat datang (Sunat) • Tawaf Wada'-Tawaf selamat tinggal (Wajib) • Tawaf Ifadah- Tawaf rukun yang wajib dilakukan (Wajib)
5	Sa'ie	Berjalan berulang alik sebanyak 7 kali bermula di Bukit Safa dan berakhir di Bukit Marwah menurut syarat-syarat tertentu.	• Dimulakan dari Safa dan tamat di Marwah. • Dilakukan 7 kali dengan yakin. • Dilakukan selepas tawaf rukun. • Dilakukan dengan perjalanan biasa. • Berniat sa'ie di Safa	**Masa :** Dilakukan selepas tawaf	• Meningkatkan keimanan kepada Allah. • Mengingati peristiwa Siti Hajar berusaha mencari air untuk anaknya Nabi Ismail. • Mendidik diri bersifat sabar dan cekal.	Sa'ie harus juga dilakukan dengan menggunakan usungan.
5	Bercukur atau bergunting rambut	Bergunting sekurang-kurangnya 3 helai rambut dan sunat bercukur rambut bagi lelaki		**Masa :** • Haji : Selepas selesai melontar Jumratul Aqabah • Umrah : Setelah selesai mengerjakan sa'ie	• Meningkatkan keimanan kepada Allah. • Simbol pembersihan diri dari sifat tercela • Menghapuskan dosa	
6	Tertib	Melakukan perbuatan mengikut urutan			• Mendidik manusia supaya berdisiplin dalam ibadah	• Haji : Tertib pada kebanyakan rukun • Umrah : Tertib pada semua rukun

<table>
<tr><td colspan="2">WAJIB HAJI</td><td colspan="4">Amalan yang mesti dilakukan dalam ibadah haji dan jika tertinggal salah satunya, maka hajinya sah tetapi dikenakan dam</td></tr>
<tr><td colspan="2">Wajib Haji</td><td>Pengertian</td><td>Jenis / Perkara / Masa</td><td>Catatan</td><td>Hikmah</td></tr>
<tr><td>1</td><td>Niat Ihram
di Miqat</td><td>Miqat : Sempadan masa atau tempat untuk berniat ihram</td><td>• Miqat Zamani – Ketentuan masa bagi seseorang untuk berniat ihram haji bermula dari 1 Syawal hingga masuk waktu subuh pada 10 Zulhijah.
- Haji (1 Syawal -10 Zulhijah)
- Umrah (bila-bila masa)
• Miqat Makani – Ketentuan tempat atau sempadan tempat untuk berniat ihram.</td><td>1. Zulhulaifah (Bir Ali) - Dari arah Madinah
2. Zatu Irqin - Dari arah Iraq
3. Qarnul Manazil - Dari arah Malaysia, Asia Tenggara
4. Yalamlam – Dari arah Yaman
5. Juhfah – Dari arah Mesir, Tunisia</td><td>• Setiap pekerjaan ada permulaan dan pengakhiran
• Kita perlu membuat persiapan awal sebelum melakukan suatu pekerjaan</td></tr>
<tr><td>2</td><td>Meninggalkan Larangan Ihram</td><td></td><td colspan="2">LARANGAN IHRAM
1 Kecantikan: 1 Menyapu minyak rambut (L/P); 2 Mencabut bulu atau rambut (L/P); 3 Memotong kuku (L/P)
2 Wangi-wangian: 4 Memakai wangian pada pakaian, badan atau menghidunya (L/P)
3 Pakaian: 5 Memakai pakaian berjahit atau bercantum (L); 6 Menutup kepala (L); 7 Menutup muka (P); 8 Memakai sarung tangan (L/P)
4 Alam sekitar: 9 Memburu binatang buruan (L/P); 10 Memotong atau merosakkan tumbuhan (L/P)
5 Hubungan seksual: 11 Berkahwin, mengahwinkan atau wakil menerima nikah (L/P); 12 Melakukan perbuatan merangsang syahwat (L/P); 13 Persetubuhan suami isteri (L/P)</td><td>• Manusia adalah sama disisi Allah
• Melatih umat Islam lebih berdisiplin
• Manusia melupakan keduniaan ketika beribadah
• Memberi latihan kepada manusia supaya menghargai makhluk Allah
• Menguji keimanan dan kesabaran manusia</td></tr>
<tr><td>3</td><td>Bermalam (mabit)
di Muzdalifah</td><td>Berada di Muzdalifah selepas tengah malam 10 Zulhijah hingga sebelum terbit fajar 10 Zulhijah</td><td>Masa :
Malam 10 Zulhijah</td><td>Muzdalifah terletak antara Arafah dan Mina</td><td></td></tr>
<tr><td>4</td><td>Bermalam (mabit)
di Mina</td><td>Bermalam di Mina pada hari Tasyrik (11,12 dan 13 Zulhijah) dan memadai tinggal sebahagian besar setiap malam tersebut.</td><td>Masa :
Malam 11, 12 dan 13 Zulhijah</td><td>Pilihan bermalam di Mina
• Boleh bermalam 2 malam (11&12 Zulhijah) – Nafar Awal
• Boleh bermalam 3 malam (11,12&13 Zulhijah) – Nafar Thani</td><td></td></tr>
<tr><td>5</td><td>Melontar 7 anak batu di Jamrah al- Kubra</td><td>Dilakukan selepas tengah malam pada 10 Zulhijah</td><td>Tarikh Melontar :
Jamrah al-Kubra : 10 Zulhijah
Waktu Afdal : Pagi 10 Zulhijah
Waktu harus : Selepas tengah malam 10 Zulhijah
Jumlah batu yang digunakan : 7 biji</td><td rowspan="2">Syarat melontar :
• Menggunakan anak batu
• Melontar dengan tangan
• Dengan gaya melontar
• Batu yang dilontar masuk ke dalam takungan yang ditetapkan
• Melontar mengikut tertib
• 7 biji anak batu setiap jamrah

Jumlah anak batu yang digunakan untuk melontar ketiga-tiga jamrah pada 10 hingga 13 Zulhijah – 70 biji batu</td><td rowspan="2">• Mengambil iktibar peristiwa Nabi Ibrahim AS mengusir syaitan
• Menghalang sebarang gangguan untuk melakukan kebaikan
• Menentang musuh-musuh Islam di sekeliling kita</td></tr>
<tr><td>6</td><td>Melontar 7 anak batu
di ketiga-tiga jamrah</td><td>Melontar Jamrah al-Sughra, al-Wusta dan al-Kubra pada hari Tasyrik. Masuk waktu melontar adalah selepas azan subuh sehingga terbenam matahari 13 Zulhijah.</td><td>Tarikh Melontar :
Jamrah al-Sughra, al-Wusta, al-Kubra – Hari Tasyrik (11,12 dan 13 Zulhijah)
<u>Masa Melontar</u>: Selepas azan subuh sehingga terbenam matahari 13 Zulhijah.
Jumlah batu yang digunakan : 7 biji X 3 jamrah X 3 hari = 63 biji</td></tr>
</table>

AMALAN SUNAT HAJI DAN UMRAH					
	Perkara	**HAJI**	**UMRAH**	**Keterangan**	
1	Mandi sunat ihram	/	/	Dilakukan sebelum memakai pakaian ihram	Lafaz mandi sunat ihram : "Sahaja aku mandi sunat ihram kerana Allah SWT"
2	Solat sunat ihram	/	/	Selepas selesai memakai pakaian ihram dengan sempurna, disunatkan melakukan solat sunat ihram	Lafaz solat sunat ihram "Sahaja aku solat sunat ihram dua rakaat kerana Allah SWT"
3	Talbiah	/	/	Memperbanyakkan talbiah selepas ihram	
4	Mengutip anak batu di Muzdalifah	/	**X**	Mengutip 7 anak batu di Muzdalifah pada 9 Zulhijah untuk melontar Jamrah al-Kubra pada 10 Zulhijah	
5	Solat sunat selepas melakukan tawaf	/	/	Sunat dilakukan di belakang Makam Ibrahim	Lafaz solat sunat tawaf : "Sahaja aku solat sunat tawaf dua rakaat kerana Allah SWT"

HIKMAH HAJI DAN UMRAH		
	ASPEK	**KETERANGAN**
1	Rohani	• Menghapuskan dosa dan meraih ganjaran syurga kerana pengorbanan harta dan tenaga dalam melakukan perintah Allah SWT. • Menzahirkan ketaatan dalam melaksanaan perintah Allah SWT bagi mencapai kasih sayang dan rahmat-Nya.
2	Sosial	• Saling mengenali sesama umat Islam walaupun berbeza bangsa dan negara.
3	Politik	• Menzahirkan kekuatan umat Islam.
4	Dakwah	• Menyemarakkan perkembangan dakwah Islam ke seluruh alam.
5	Ekonomi	• Meningkatkan taraf hidup umat Islam dengan menabung dalam tabung haji supaya dana umat Islam meningkat. • Meningkatkan dana umat Islam dan mewujudkan sumber pendapatan baharu.

MIQAT MAKANI (SEMPADAN TEMPAT) HAJI DAN UMRAH



MELONTAR JAMRAH						
HARI	**SYARAT**	**JAMRAH YANG DILONTAR**	**JAMRAH AL-SUGHRA**	**JAMRAH AL-WUSTA**	**JAMRAH AL-KUBRA**	**BILANGAN BATU**
10 Zulhijah (Hari Nahar)		Jamrah al-Kubra Sahaja			✓ 7 biji anak batu	7
11 Zulhijah (Hari Tasyrik Pertama)	Melontar mengikut urutan	Jamrah al-Sughra, al-Wusta dan al-Kubra	✓ 7 biji anak batu	✓ 7 biji anak batu	✓ 7 biji anak batu	21
12 Zulhijah (Hari Tasyrik Kedua)	Melontar mengikut urutan	Jamrah al-Sughra, al-Wusta dan al-Kubra	✓ 7 biji anak batu	✓ 7 biji anak batu	✓ 7 biji anak batu	21
13 Zulhijah (Hari Tasyrik Ketiga)	Melontar mengikut urutan	Jamrah al-Sughra, al-Wusta dan al-Kubra	✓ 7 biji anak batu	✓ 7 biji anak batu	✓ 7 biji anak batu	21
JUMLAH BILANGAN ANAK BATU			**21**	**21**	**28**	**70**

	PENGERTIAN	**MASA**	**SYARAT**	**HIKMAH**
Melontar 7 anak batu di Jamrah al-Kubra	Dilakukan selepas tengah malam pada 10 Zulhijah	**Tarikh Melontar** : Jamrah al-Kubra : 10 Zulhijah **Waktu Afdal** : Pagi 10 Zulhijah **Waktu harus** : Selepas tengah malam 10 Zulhijah **Jumlah batu yang digunakan** : 7 biji	➢ **Syarat melontar :** • Menggunakan anak batu • Melontar dengan tangan • Dengan gaya melontar • Batu yang dilontar masuk ke dalam takungan yang ditetapkan • Melontar mengikut tertib • 7 biji anak batu setiap jamrah ➢ Jumlah anak batu yang digunakan untuk melontar ketiga-tiga jamrah pada 10,11,12 dan 13 Zulhijah – **70 biji batu**	• Mengambil iktibar peristiwa Nabi Ibrahim AS mengusir syaitan. • Menghalang sebarang gangguan untuk melakukan kebaikan. • Menentang musuh-musuh Islam di sekeliling kita.
Melontar 7 anak batu di ketiga-tiga Jamrah	Melontar Jamrah al-Sughra, al-Wusta dan al-Kubra pada hari Tasyrik. Masuk waktu melontar adalah selepas azan subuh sehingga terbenam matahari 13 Zulhijah.	**Tarikh Melontar** : Jamrah al-Sughra, al-Wusta, al-Kubra – Hari Tasyrik (11,12 dan 13 Zulhijah) **Masa Melontar** : Selepas azan subuh sehingga terbenam matahari 13 Zulhijah. **Jumlah batu yang digunakan** : 7 biji X 3 jamrah X 3 hari = 63 biji		

IBADAH SA'IE

MULA	420 meter	TAMAT
BUKIT SAFA		BUKIT MARWAH

Kawasan lampu hijau

	PENGERTIAN	SYARAT	CARA PENGIRAAN / MASA	PERKARA SUNAT	HIKMAH
SA'IE	Berjalan berulang alik sebanyak 7 kali bermula dari Bukit Safa dan berakhir di Bukit Marwah menurut syarat-syarat tertentu.	• Dimulakan dari Safa dan tamat di Marwah. • Dilakukan 7 kali dengan yakin. • Dilakukan selepas tawaf rukun. • Dilakukan dengan perjalanan biasa. • Berniat sa'ie di Safa. • Tidak berniat lain yang memesongkan tujuan sa'ie	**Cara Pengiraan :** • Sekali dari Safa ke Marwah • Sekali dari Marwah ke Safa **Masa :** • Dilakukan selepas tawaf **Jarak :** 420 meter X 7 kali = 2.9 Kilometer	• Keluar dari tempat sa'ie melalui Babussafa • Menaiki bukit Safa / Marwah hingga sampai ke batu-batu bukit • Menghadap qiblat dan mengangkat kedua tangan serta bertakbir di Safa dan Marwah • Muwalat (berturut-turut) • Suci dari hadas kecil dan besar • Berjalan kaki • Berdoa • Berlari-lari anak bagi lelaki – kawasan lampu hijau ➢ Sa'ie harus juga dilakukan dengan menggunakan usungan.	• Meningkatkan keimanan kepada Allah SWT. • Mengingati peristiwa Siti Hajar berusaha mencari air untuk anaknya Nabi Ismail AS. • Mendidik diri bersifat sabar dan cekal dalam melakukan sesuatu.

RINGKASAN CARA MELAKSANAKAN IBADAH HAJI DAN UMRAH

CARA MELAKSANAKAN - HAJI	
8 Zulhijah	Niat haji dan berihram di Miqat.
9 Zulhijah	Wukuf di Arafah (dari gelincir matahari hingga terbit fajar 10 Zulhijah).
10 Zulhijah - Malam	Bermalam di Muzdalifah (selepas separuh malam 10 Zulhijah -sebelum terbit fajar) – Malam hari raya.
10 Zulhijah – Siang	Melontar di Jumrah al-Aqabah.
10 Zulhijah - Siang	Bercukur atau bergunting rambut
11, 12 dan 13 Zulhijjah	Bermalam di Mina. (malam) Melontar ketiga-tiga jamrah (siang)
13/14 Zulhijjah	Mengerjakan tawaf rukun Haji (tawaf ifadhah)
13/14 Zulhijjah	Melakukan sai'e (antara bukit Safa dan Marwah)
	Tertib / Selesai ibadat haji

CARA MELAKSANAKAN - UMRAH	
Bila-bila masa	Niat ihram umrah di Miqat
	Tawaf Umrah (Tawaf Ifadhah)
	Sa'ie (antara bukit Safa dan Marwah)
	Bercukur atau bergunting rambut
	(Dilakukan mengikut tertib)
	Selesai ibadah umrah (Mengambil masa antara 3-5 jam)

CARA MELAKSANAKAN - HAJI	
RUKUN HAJI	**WAJIB HAJI**
Niat Ihram	Niat Ihram di Miqat
Wukuf di Padang Arafah	Meninggalkan Larangan Ihram
Tawaf	Bermalam di Muzdalifah
Sa'ie	Melontar Jamratul Aqabah
Bercukur	Bermalam di Mina
Tertib	Melontar ketiga-tiga jamrah

CARA MELAKSANAKAN - UMRAH	
RUKUN UMRAH	**WAJIB UMRAH**
Niat Ihram	Niat Ihram di Miqat
Tawaf	Meninggalkan Larangan Ihram
Sa'ie	
Bercukur	
Tertib	

CARA MELAKSANAKAN HAJI						
Bil	Bulan Islam	Dalam / Luar Bulan Haji	Tarikh / Tempoh	**HAJI IFRAD**	**HAJI TAMATTUK**	**HAJI QIRAN**
1	Muharam	Luar Bulan haji	1 Muharam – 30 Ramadan			
2	Safar					
3	Rabiul Awal					
4	Rabiul Akhir					
5	Jamadil Awal					
6	Jamadil Akhir					
7	Rejab					
8	Syaaban					
9	Ramadan					
10	Syawal	Bulan-bulan Haji	1 Syawal		**Umrah**	
11	Zulkaedah					
12	Zulhijah		13 Zulhijah	**Haji**	**Haji**	**Haji & Umrah**
		Luar Bulan Haji	14-30 Zulhijah	**Umrah**		

	JENIS HAJI	PENGERTIAN	KEBAIKAN	KESAN
1	**HAJI IFRAD**	• Mengerjakan **HAJI** dahulu, kemudian mengerjakan **UMRAH** pada tahun yang sama.	• Cara yang lebih afdal. • Jemaah haji mengambil masa yang panjang untuk mengerjakan ibadat tersebut • Cara ini tidak dikenakan dam	• Jemaah haji mengambil masa yang panjang untuk mengerjakan haji. • Memerlukan banyak kesabaran kerana mengambil masa yang panjang.
2	**HAJI TAMATTUK**	• Mengerjakan **UMRAH** dahulu dalam bulan haji, kemudian mengerjakan **HAJI** pada tahun yang sama.	• Membolehkan jemaah haji berehat. • Jemaah haji boleh meninggalkan ihram.	• Jemaah haji yang melakukan cara ini dikenakan dam. • Kurang fadilatnya berbanding dengan haji ifrad.
3	**HAJI QIRAN**	• Mengerjakan **HAJI** dan **UMRAH** secara serentak.	• Memberi kesenangan kepada jemaah haji yang uzur. • Mengambil masa yang singkat.	• Jemaah haji yang melakukan cara ini dikenakan dam. • Kurang fadilatnya berbanding dengan haji ifrad.

GARIS MASA HAJI TAMATTUK								
TARIKH	**6 Zulhijah**	**7 Zulhijah**	**8 Zulhijah**	**9 Zulhijah**	**10 Zulhijah**	**11 Zulhijah**	**12 Zulhijah**	**13 Zulhijah**
IBADAH YANG DILAKUKAN	• Berihram umrah • Melaksanakan umrah		• Berniat ihram haji di Masjidil Haram • Meninggalkan larangan ihram haji	• Wukuf di Padang Arafah	• Bermalam di Muzdalifah • Melontar Jamrah al-Kubra • Bercukur • Tawaf Ifadah • Sa'ie	• Melontar ketiga-tiga jamrah • Bermalam di Mina	• Melontar ketiga-tiga jamrah • Bermalam di Mina	• Melontar di ketiga-tiga jamrah • Bermalam di Mina

TAHALLUL DAN NAFAR

<table>
<tr><th></th><th>Pengertian</th><th>Bahagian</th><th>Hikmah</th></tr>
<tr><td rowspan="2">TAHALLUL</td><td rowspan="2">Tahallul bermaksud membebaskan diri daripada larangan yang terdapat semasa ihram.</td><td>Tahallul bagi UMRAH ialah:
Terlaksana apabila jemaah bercukur atau bergunting selepas selesai melaksanakan sa’ie</td><td>• Supaya jemaah haji dapat menumpukan amalan haji dengan sepenuhnya.
• Mendisiplinkan diri semasa beribadat kepada Allah SWT.</td></tr>
<tr><td>Tahallul bagi HAJI terbahagi kepada dua :
<table>
<tr><th>Jenis</th><th>Pengertian</th><th>Kesan</th></tr>
<tr><td>Tahallul Awal</td><td>Terlaksana apabila jemaah haji mengerjakan dua daripada tiga perkara yang berikut :
i. Melontar di Jumrah al-Kubra pada 10 Zulhijah.
ii. Bercukur.
iii. Melakukan tawaf Ifadah. (tawaf rukun)</td><td>Apabila seseorang telah selesai melakukan Tahallul Awal, dia boleh melakukan perkara-perkara yang dilarang kecuali:
i. Nikah
ii. Bercumbu-cumbuan
iii. Bersetubuh.</td></tr>
<tr><td>Tahallul Thani</td><td>Terlaksana apabila jemaah haji mengerjakan ketiga-tiga perkara di atas.</td><td>Apabila seseorang telah selesai melakukan Tahalull Thani, ia boleh melakukan semua perkara yang diharamkan sesama ihram.</td></tr>
</table></td><td>• Memberi kelonggaran kepada jemaah haji supaya tidak menunggu masa yang lama untuk meninggalkan perkara yang dilarang.
• Supaya jemaah haji yang uzur dapat berehat.
• Supaya jemaah haji dapat menumpukan amalan haji dengan sepenuhnya.
• Mendisiplinkan diri semasa beribadat kepada Allah SWT.</td></tr>
</table>

	Pengertian	Bahagian	Syarat	Hikmah
NAFAR	Meninggalkan Mina dengan niat tidak akan kembali ke Mina	**Nafar Awal** : Meninggalkan Mina selepas gelincir matahari pada 12 Zulhijah dengan niat tidak akan kembali ke Mina lagi.	• Meninggalkan Mina selepas gelincir matahari dan sebelum jatuh matahari 12 Zulhijah. • Berniat tidak akan kembali lagi ke Mina. • Setelah menyempurnakan lontaran ketiga-tiga jamrah pada 11 dan 12 Zulhijah • Telah bermalam di Mina 2 malam	• Membolehkan jemaah yang uzur menyelesaikan ibadah haji dengan cepat.
		Nafar Thani : Meninggalkan Mina selepas melontar pada 13 Zulhijah		

PELAJARAN 14 : SEMBELIHAN

MAKSUD SEMBELIHAN :

Bahasa : Memotong
Istilah : Menyembelih binatang yang halal dimakan dagingnya dengan cara memutuskan urat Halkum dan urat Meri'.

HUKUM SEMBELIHAN : Wajib (supaya halal dimakan dagingnya)

RUKUN DAN SYARAT SAH SEMBELIHAN :

Rukun sembelihan	Syarat sah sembelihan
Penyembelih	**i. Islam atau Ahli Kitab** • Halal sembelihan daripada ahli kitab kerana niat sembelihan mereka adalah kerana Allah SWT. • Sembelihan kanak-kanak dan perempuan adalah sah dan halal. ii. **Melakukan penyembelihan hanya kerana Allah SWT.** • Sembelihan yang bukan kerana Allah SWT adalah haram dan tidak sah dimakan.
Binatang yang disembelih	**i. Masih mempunyai *hayat Mustaqirrah*** • Jika binatang yang disembelih hampir mati, binatang tersebut tidak halal dimakan. **ii. Putus urat Halkum dan urat Meri' dengan segera dan sekali sembelihan.** • Urat Halkum ialah saluran pernafasan dan urat Meri' ialah saluran makanan.
Alat sembelihan	i. Alat sembelihan yang dibolehkan ialah alatan yang boleh melukakan binatang sembelihan kecuali kuku, gigi dan tulang. Contoh alat sembelihan : Pisau, Parang, Kaca, Sembilu

PERKARA SUNAT SEMBELIHAN :

Penyembelih	• **Penyembelih menajamkan pisau** - Disunatkan menajamkan pisau. Hadis riwayat Abu Ya'la : "*Kamu hendaklah menajamkan pisau dan menenangkan haiwan sembelihan"* • **Menyembelih pada waktu siang** - Disunatkan penyembelihan dilakukan pada waktu siang kerana ditakuti berlaku kesilapan ketika penyembelihan. • **Menghadap Kiblat** - Disunatkan penyembelih dan binatang sembelihan menghadap arah kiblat. • **Membaca Basmalah** - Disunatkan penyembelih membaca Basmalah ketika permulaan menyembelih.
Binatang Sembelihan	• Membaringkan binatang sembelihan pada rusuk kiri
Alat sembelihan	• Alat sembelihan ialah alatan yang tajam seperti pisau

PERKARA MAKRUH SEMBELIHAN :

Penyembelih	• Menyembelih di hadapan binatang lain. • Menyembelih pada waktu malam. • Tidak menghadap kiblat. • Tidak membaca Basmalah.
Binatang sembelihan	• Menyeksa binatang.
Alat sembelihan	• Menggunakan pisau yang tumpul.

Contoh menyiksa binatang sembelihan tanpa sebab:
- Memenggal leher.
- Mematahkan kaki.
- Mengheret kaki binatang ke tempat sembelihan.
- Menajamkan pisau sembelihan di hadapan binatang.

Spektrum Ilmu :
Janin yang mati selepas ibunya disembelih atau mati dalam perut atau lahir dalam keadaan bukan hayat Mustaqirrah , halal dimakan.

***Hayat Mustaqirrah*:**
Haiwan yang mampu bergerak dengan bertenaga. Antara tandanya termasuklah binatang tersebut meronta-ronta dengan kuat setelah disembelih.

<table>
<tr><th>HIKMAH SEMBELIHAN DARI SUDUT SYARAK DAN SAINS</th><th>SEBAB PENGHARAMAN BANGKAI</th><th>KEADAAN HARUS MELUKAKAN MANA-MANA BAHAGIAN BINATANG</th><th>BAHAGIAN BINATANG YANG HARAM DIMAKAN</th><th>HIKMAH MENGGUNAKAN ALAT YANG TAJAM</th></tr>
<tr><td>• Membezakan antara daging yang halal dengan daging yang haram supaya ibadah diterima.
• Menghindarkan diri daripada penyakit yang terdapat dalam binatang kerana toksid dan bacteria yang terdapat dalam darah binatang telah dikeluarkan.
• Mempercepatkan proses kematian binatang yang disembelih.</td><td>• Dagingnya kotor kerana masih terdapat kuman dan penyakit di dalam darahnya.
• Tidak baik untuk kesihatan badan.
• Untuk memelihara akidah umat Islam</td><td>• Tersangat liar
• Terjatuh ke dalam lubang
• Terpelosok dalam perigi
• Leher tenggelam dalam air
• Leher tersepit dicelah-celah akar atau pokok</td><td>• Darah kecuali hati dan jantung
• Ketumbuhan diantara kulit dan daging
• Pundi kencing.</td><td>• Supaya binatang cepat mati
• Supaya tidak menyeksa binatang
• Supaya darah binatang keluar dengan cepat</td></tr>
<tr><th>NOTA TAMBAHAN</th><th colspan="2">KATEGORI BINATANG YANG HARAM DIMAKAN</th><th colspan="2">CATATAN PENTING</th></tr>
<tr><td>• Penggunaan water stunner dalam proses penyembelihan ayam adalah harus
• Penggunaan electrical stunning dalam penyembelihan lembu adalah harus.</td><td colspan="2"><table><tr><th>Jenis</th><th>Contoh</th></tr><tr><td>Berbisa</td><td>Ular, lipan dan kala jengking</td></tr><tr><td>Hidup dua alam</td><td>Katak, buaya</td></tr><tr><td>Bertaring</td><td>Harimau, singa</td></tr><tr><td>Memakan benda kotor</td><td>Biawak, tikus</td></tr></table></td><td colspan="2">• Mana-mana bahagian anggota binatang yang terpotong tanpa disembelih haram dimakan
• Belalang, semua jenis ikan dan semua haiwan di dalam air boleh dimakan tanpa disembelih
• Hukum memakan anak binatang dalam kandungan ibunya yang telah disembelih adalah harus
• Sembelihan menggunakan kejutan elektrik adalah haram dan tidak sah.</td></tr>
</table>

<table>
<tr><th></th><th>PENGERTIAN DAN HUKUM</th><th>MASA</th><th>SYARAT SAH</th><th>PERKARA SUNAT</th><th>HIKMAH</th><th>CATATAN PENTING</th></tr>
<tr>
<td>KORBAN</td>
<td>Korban :
Menyembelih binatang ternakan (al-An’am) pada 10 zulhijjah hingga akhir hari tasyrik bertujuan mendekatkan diri kepada Allah SWT.

Al-An’am:
Binatang ternakan berkaki empat yang jinak dan halal dimakan

Hukum Korban:
1. Sunat Muakkad Bagi orang Islam yang mampu
2. Wajib :
Bagi orang yang bernazar
• Haram dimakan oleh orang yang bernazar</td>
<td>1 Zulhijah :
• Orang yang berkorban makhruh bercukur dan memotong kuku
• Korban tidak sah dilakukan sebelum 10 zulhijjah
10 Zulhijjah
• Waktu penyembelihan yang afdhal bermula selepas naik matahari selepas solat sunat aidiladha dan dua khutbah
11 Zulhijjah
• Sunat pelaksanaan korban
12 Zulhijjah
• Sunat pelaksanaan korban
13 Zulhijjah
• Sunat pelaksanaan korban
14 Zulhijjah
• Korban tidak sah dilakukan selepas terbenm matahari 13 Zulhijjah</td>
<td>1.Niat korban- ketika menyembelih
2. Masa Pelaksanaan
• Selepas solat hari raya aidiladha pada 10 Zulhijjah hingga terbenam matahari pada akhir hari tasyrik iaitu pada 13 zulhijjah.
3.Binatang cukup umur
<table><tr><td colspan="2">Umur binatang</td></tr><tr><td>Unta</td><td>5 thn / lebih</td></tr><tr><td>Lembu, kerbau & kambing</td><td>2 thn / lebih</td></tr><tr><td>Biri-biri & kibas</td><td>1 tahun / lebih @ telah berganti gigi hadapan setelah berumur 6 bulan</td></tr></table>
4. Sifat Al-An’am
• Bebas daripada penyakit dan kecacatan contohnya cacat yag teruk pada satu matanya, berpenyakit yang teruk, tempang atau kurus yang melampau</td>
<td>• Orang yang berkorban disunatkan tidak bercukur dan memotong kukunya pada permulaan bulan zulhijjah sehingga selesai berkorban
• Melakukan sembelihan korban dengan sendiri dan tidk mewakilkan kepada orang lain jika mampu.
• Melaksanakan segala sunat sembelihan seperti menghadap kiblat
• Membaca basmallah / bertakbir/ berselawat ketika menyembelih
• Berdoa ketika hendak menyembelih</td>
<td>• Mengagungkan syiar Islam yang merupakan tanda takwa bagi mendekatkan diri kepada Allah SWT.
• Menghayati semangat pengorbanan Nabi Ibrahim AS supaya semangat tersebut menaikkan semangat jihad
• Mengeratkan persaudaraan antara umat Islam kerana solat I’dil Adha menghimpunkan seluruh umat Islam.
• Tanda bersykur kepada Allah SWT atas segala nikmat supaya rezeki yang diperoleh sentiasa diberkati</td>
<td>Pembahagian Daging Korban
• 1/3 sedekah kepada fakir dan miskin
• 1/3 dihadiahkan kepada sahabat handai termasuk orang kaya/jiran
• 1/3 dimakan oleh pihak yang berkorban dan anggota keluarganya

✓ wajib semua daging korban bagi korban nazar disedekahkan kepada fakir dan miskin
X orang yang berkorban haram menjual daging korban, termasuk kulit, lemak, susu, kaki, kepala dan bulu binatang korban

Imam Nawawi : Apa-apa sahaja daripada bahagian korban tidak dibenarkan untuk diberikan kepada tukang sembelihan sebagai upah

Mazhab Syafie : Tidak sah korban sebelum selesai solat sunat aidil adha

Ibadah korban disyariatkan pada tahun 2 hijrah</td>
</tr>
<tr>
<td>AKIKAH</td>
<td>Akikah: Binatang ternakan (al-An’am) yang disembelih sempena kelahiran bayi

Hukum Akikah:
1. Sunat Muakkad Bagi ibu bapa yang mampu
2. Wajib :
Bagi orang yang bernazar
• Haram dimakan oleh orang yang bernazar</td>
<td>Masa akikah :
Sunat :
Setelah sempurna kelahiran sehingga bayi itu baligh

Sunat muakkad :
Hari ketujuh kelahiran bayi

Amalan sunat keatas bayi:
➢ Baru lahir :
• Azan ditelinga kanan dan iqamah ditelinga kiri
• Tahnik : Menyapu lelangit bagi dengan manisan
➢ Hari Ke-7 kelahiran:
• Beri nama bayi
• Mencukur rambut
• Menyembelih binatang akikah</td>
<td>1. Niat akikah ketika menyembelih
2. Masa pelaksanaan setelah bayi dilahirkan
3. Binatang cukup umur
<table><tr><td colspan="2">Umur binatang</td></tr><tr><td>Unta</td><td>5 thn / lebih</td></tr><tr><td>Lembu, kerbau & kambing</td><td>2 thn / lebih</td></tr><tr><td>Biri-biri & kibas</td><td>1 tahun / lebih @ telah berganti gigi hadapan setelah berumur 6 bulan</td></tr></table>
4. Sifat Al-An’am – bebas daripada penyakit dan kecacatan contohnya, cacat yang teruk pada satu matanya, berpenyakit yang teruk, tempang @ kurus yang melampau.</td>
<td>• Berdoa ketika menyembelih
• Menyembelih ketika matahari sedang naik
• Dilakukan pada hari ke 7 kelahiran.
• Tidak mematah matahkan tulang binatang
• Mencukur rambut bayi selepas penyembelihan. Memberi nama yang baik kepada bayi
• Bersedekah dengan emas atau perak seberat rambut bayi yang telah dicukur.</td>
<td>• Menzahirkan kesyukuran kepada Allah atas kurniaaan cahaya mata
• Menghebahkan berita kelahiran agar tidak timbul prasangka
• Menyuburkan sifat pemurah dan menjauhi sifat bakhil</td>
<td>Pembahagian Daging Akikah
• Sunat : Dimasak manis dan disedekahkan sesudah masak
• Afdhal disedekahkan kepada orang miskin
• Sunat : dimakan oleh orang yang berakikah

Kadar binatang akikah :
• Anak lelaki : 2 ekor kambing atau 2 bahagian lembu, kerbau atau unta
• Anak perempuan : Seekor kambing atau 1 bahagian lembu, kerbau atau unta

Sah : Berkongsi korban atau akikah dikalangan 7 orang bagi seekor lembu, kerbau atau unta</td>
</tr>
</table>

PELAJARAN 16 : MUAMALAT ISLAM

UNIT 1 : KONSEP MUAMALAT ISLAM

Maksud muamalat Islam :

Hukum syarak yang berkaitan dengan urusan kewangan seperti jual beli, sewaan, simpanan dan sebagainya.

Matlamat pensyariatan muamalat Islam

- Menunjukkan keadilan Allah SWT dalam mengatur urusan kehidupan manusia.
- Mengiktiraf pemilikan harta melalui akad yang sah.
- Segala urusan dalam muamalat Islam bertepatan dengan matlamat syariat Islam.
- Menjaga kepentingan penjual dan pembeli serta penyewa dan pemilik harta.
- Mendapat keredaan Allah SWT kerana melakukan suruhan-Nya dan meninggalkan larangan-Nya dalam urusan harian.

Kepentingan memahami dan mengamalkan muamalat Islam

- Dalil nakli tuntutan beramal dengan muamalat Islam (surah An-Nisa : 29)
- Dalil nakli ancaman tidak beramal dengan muamalat Islam (surah Al-Mutoffifin : 1-6)
- Contoh keprihatinan Nabi SAW dan sahabat dalam menjaga muamalat Islam (Hadis riwayat Muslim : m/s 131)

Dalil nakli :

Surah al-Baqarah 275 :

وَأَحَلَّ ٱللَّهُ ٱلْبَيْعَ وَحَرَّمَ ٱلرِّبَوٰا۟

Maksudnya : "… padahal Allah SWT telah menghalalkan jual beli dan mengharamkan riba."

Hukum muamalat Islam :

Harus

Unsur yang diharamkan dalam muamalat Islam

- **RIBA :**
  - Pertambahan bayaran dalam urusan pertukaran barang dan hutang.
- **GHARAR :**
  - Kesamaran dalam urusan muamalat yang tidak dibenarkan oleh syarak.
- **JUDI :**
  - Perbuatan yang melibatkan pertaruhan sesuatu yang berharga.
- **DARAR :**
  - Setiap perkara yang membawa kerosakan.

Perbezaan antara muamalat Islam dengan konvensional

Muamalat Islam	Konvensional
• Bersumberkan Al-Quran dan As-Sunnah	• Bersumberkan teori dan pemikiran manusia
• Mengharamkan Riba	• Mengamalkan Riba
• Bebas daripada unsur judi dan gharar	• Mengandungi unsur judi dan gharar
• Berteraskan keimunan kepada Allah SWT	• Berteraskan keuntungan dan kekayaan

Spektrum Ilmu

Riba dalam muamalat Islam terbahagi kepada dua bahagian:

- **Riba al-Duyun (Riba Hutang)**
- **Riba al-Buyu' (Riba Jual beli)**

Ulama Mazhab Syafie, membahagikan riba kepada tiga:

- **Riba al-Fadl**
- **Riba al-Nasiah**
- **Riba al-Yad**

(Wahbah al-Zuhayli,al-Fiqh al-Manhaji 'ala Mazhab al-Imam as-Syafie)

Maksud akad dalam Muamalat Islam

Bahasa : Ikatan , Simpulan

Istilah : Ijab dan qabul dalam urusan perniagaan dan kewangan

Rukun Akad dalam Muamalat Islam

- **Pihak yang berakad**
  - Penjual
  - Pembeli
- **Sesuatu yang diakadkan**
  - Harga
  - Barang
- **Sighah**
  - Ijab
  - Qabul

Syarat-syarat akad dalam muamalat Islam :

Pihak yang berakad	• Penjual dan pembeli mestilah : - Baligh - Berakal - Mampu memelihara dan menguruskan harta
	• Melibatkan dua pihak dan bebas membuat pilihan
Perkara yang diakadkan	• Mestilah wujud ketika akad berlaku
	• Barang atau perkhidmatan yang diakadkan adalah halal
	• Dapat diserahkan ketika akad
Sighah	• Lafaz ijab dan qabul adalah sepadan
	• Lafaz ijab dan qabul tidak diikat dengan syarat tertentu
	• Lafaz ijab dan qabul dalam satu pertemuan

SPEKTRUM ILMU

*Hukum Skim Cepat Kaya ialah **haram** kerana mengandungi unsur-unsur judi, riba, dan gharar.*

PELAJARAN 16 : MUAMALAT ISLAM

UNIT 2 : JENIS AKAD DALAM MUAMALAT ISLAM

Jenis akad Dalam Muamalat Islam :

Pertukaran	Kebajikan	Perkongsian	Ejen	Jaminan
• Jual beli • Sewaan	• Hibah • Qard • Wakaf • Wadiah	• Musyarakah • Mudhorabah (Pelaburan)	• Wakalah	• Kafalah • Rahnu

Pengertian dan contoh jenis akad dalam muamalat Islam :

Bahagian	Jenis	Pengertian	Contoh
Pertukaran	Jual beli	Suatu akad pertukaran barang dengan barang dengan persetujuan penjual dan pembeli.	Membeli makanan di kantin sekolah dengan duit
	Sewaan	Akad bagi menyerahkan sesuatu yang bermanfaat yang boleh diberikan secara sewa dengan pembayaran tertentu.	Sewaan rumah
Kebajikan	Hibah	Memberi sesuatu secara percuma dengan rela hati kepada orang lain ketika pemberi masih hidup.	Memberi sebuah rumah kepada anak
	Qard	Memberi hutang wang kepada orang lain tanpa sebarang imbuhan (faedah) dan perlu membayar kembali dengan dengan jumlah yang sama.	Memberi pinjaman wang RM100.00 untuk kegunaan peribadi
	Wakaf	Mewakafkan harta yang dapat diambil manfaatnya serta kekal fizikalnya , untuk penggunaan yang baik serta bertujuan mendapat keredhaan Allah SWT.	Mewakafkan rumah untuk pusat penjagaan anak-anak yatim.
	Wadiah	Memberikan sesuatu barang kepada orang lain agar dapat disimpan dan dipelihara seperti yang sepatutnya	Simpanan wang
Perkongsian	Musyarakah	Akad yang menetapkan sesuatu harta atau perniagaan yang dikongsi bersama oleh dua orang atau lebih.	Perkongsian untuk menubuhkan syarikat perniagaan.
	Mudharabah (Pelaburan)	Akad yang dilakukan oleh pemodal dengan menyerahkan modalnya kepada pengusaha agar dapat diniagakan dan keuntungan dibahagikan antara mereka.	Pemodal memberikan RM 10 000.00 kepada pengusaha untuk perniagaan buah-buahan, dan kadar keuntungan yang dipersetujui 60% untuk pengusaha dan 40 % untuk pemodal.
Ejen	Wakalah	Mewakilkan pekerjaan tertentu yang boleh dikerjakan kepada orang lain.	Arsyad mewakilkan Syafiq untuk menjual sebuah rumahnya dan Syafiq akan dibayar imbuhan yang dipersetujui
Jaminan	Kafalah	Jaminan yang diberikan oleh penjamin kepada orang yang dijamin atas sesuatu transaksi.	Muhammad menjadi penjamin kepada Ahmad yang membuat pembiayaan daripada sebuah bank.
	Rahnu	Menggadaikan sesuatu barang sebagai jaminan terhadap hutang.	Maimunah menggadaikan gelang emas kepada bank bagi mendapatkan pinjaman daripada bank.

PELAJARAN 17: SOLAT SUNAT DHUHA

Pengertian Solat Sunat Dhuha :

Solat sunat yang dilakukan pada waktu antara naik matahari selepas syuruk hingga sebelum gelincir matahari.

Hukum :
Sunat muakkad

Dalil :

أبو هُرَيْرَةَ ﷺ مروايتكن بهاوا رسول الله ﷺ برسبدا:

أَوْصَانِي خَلِيلِي ﷺ بِثَلَاثٍ لَا أَدَعُهُنَّ حَتَّى أَمُوتَ صَوْمِ ثَلَاثَةِ أَيَّامٍ مِنْ كُلِّ شَهْرٍ وَصَلَاةِ الضُّحَى وَنَوْمٍ عَلَى وِتْرٍ.

(رواية البخاري)

Maksud :
Kekasihku SAW telah mewasiatkan kepadaku tiga perkara yang tidak akan pernah aku tinggalkan sehingga akhir hayatku; berpuasa tiga hari setiap bulan hijrah, mengerjakan dua rakaat solat dhuha dan mengerjakan solat witir sebelum tidur.

Kaifiyat menunaikan solat sunat Dhuha :

Niat	Lafaz niat : اصلي سنة الضحى ركعتين لله تعالى Maksud :Sahaja aku solat sunat dhuha dua rakaat kerana Allah Taala.	
Bilangan rakaat	2,4,6 atau 8 rakaat.	
Cara Pelaksanaan	Digalakkan secara bersendirian.	
Bacaan Dalam Solat	Rakaat Pertama	Rakaat Kedua
	Surah Al Fatihah	
	Surah As Syams atau surah lain	Surah Ad Dhuha atau surah lain
Menyempurnakan rukun-rukun yang lain sehingga memberi salam		

Spektrum Ilmu
Waktu Dhuha adalah selepas 28 minit waktu syuruk sehingga masuk waktu zuhur
(Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan)

Hikmah:
- Mendekatkan diri kepada Allah SWT bagi meraih kasih sayang daripada-Nya.
- Membuktikan ketaatan kepada Allah SWT setiap masa.
- Mendapat rahmat dan rezeki daripada Allah SWT.

SOLAT SUNAT GERHANA

Pengertian Solat Sunat Gerhana :

Solat yang dilakukan ketika berlaku gerhana matahari atau bulan dengan cara-cara yang tertentu.

Hukum :
Sunat muakkad

Spektrum Ilmu
- Selepas solat, sunat dibacakan khutbah. Dilakukan 2 kali mengikut rukun-rukun dan syarat khutbah Jumaat.

(Al-Imam An-Nawawi, Al-Majmu' Syarah al-Mazhab)
- **Tarikh pensyariatan**:
  - Solat Sunat Gerhana Matahari pada tahun **ke-2 Hijrah.**
  - Solat Sunat Gerhana Bulan pada tahun **ke-5 Hijrah.**

Dalil :

المُغِيرَة بن شعبة ﷺ مروايتكن بهوا رسول الله ﷺ برسبدا:

إِنَّ الشَّمْسَ وَالْقَمَرَ آيَتَانِ مِنْ آيَاتِ اللهِ لَا يَنْكَسِفَانِ لِمَوْتِ أَحَدٍ وَلَا لِحَيَاتِهِ، فَإِذَا رَأَيْتُمُوهُمَا فَادْعُوا اللهَ وَصَلُّوا حَتَّى تَنْكَشِفَ.

(رواية مسلم)

Maksud :
Sesungguhnya matahari dan bulan ialah tanda kekuasaan Allah, tidak terjadi gerhana matahari dan bulan kerana kematian sesorang ataupun kehidupannya. Apabila kamu melihat gerhana, maka berdoalah dan dirikanlah solat hingga gerhana tersebut berlalu.

Lafaz niat gerhana bulan
اصلي سنة الخسوف ركعتين اماما / مأموما لله تعالى
Maksud :
Sahaja aku solat sunat gerhana bulan dua rakaat menjadi imam/makmum kerana Allah Taala.

Lafaz niat gerhana matahari
اصلي سنة الكسوف ركعتين اماما / مأموما لله تعالى
Maksud :
Sahaja aku solat sunat gerhana matahari dua rakaat menjadi imam/makmum kerana Allah Taala.

Kaifiat menunaikan solat sunat gerhana :

Niat	Lafaz niat gerhana bulan	
Bilangan Rakaat	2 rakaat	
Waktu	Dilakukan ketika berlaku gerhana matahari atau gerhana bulan.	
Cara Pelaksanaan	Digalakkan secara berjemaah.	
Bacaan Dalam Solat	Rakaat Pertama	Rakaat Kedua
	Surah Al Fatihah dan surah lain	
Rukuk Pertama	Sebaik-baiknya memanjangkan kadar rukuk seperti kadar Panjang bacaan surah pada kadar rakaat pertama.	Sebaik-baiknya memanjangkan kadar rukuk seperti kadar Panjang bacaan surah pada kadar rakaat kedua.
Qiyam	Surah Al Fatihah dan surah lain.	
Rukuk kedua	Sebaik-baiknya panjang rukuk seperti kadar panjang bacaan pada rakaat pertama untuk kali kedua.	Sebaik-baiknya panjang rukuk seperti kadar panjang bacaan pada rakaat kedua untuk kali kedua.
Menyempurnakan rukun-rukun yang lain sehingga memberi salam.		

Spektrum Ilmu
Antara amalan yang dianjurkan Ketika gerhana termasuklah:
- Solat Sunat Gerhana
- Memperbanyak istighfar
- Berdoa
- Bertakbir
- bersedekah

Hikmah :
- Menginsafi kekuasaan Allah SWT terhadap penciptaan alam semesta agar sentiasa bersyukur di atas nikmat yang diberikan.
- Memohon keampunan kepada Allah SWT terhadap segala dosa yang dilakukan samada sengaja atau tidak sengaja.
- Memberikan peringatan supaya manusia tidak melakukan kerosakan dan kemungkaran.
- Memandu manusia mentauhidkan AllahSWT kerana meninggalkan amalan khurafat selepas gerhana.
- Mendapat ganjaran pahala melaksanakan ketaatan kepada Allah kerana mengikut sunnah Nabi Muhammad SAW.

ERA PEMERINTAHAN KERAJAAN ISLAM		PELAJARAN 18: KERAJAAN KHULAFA' AR-RASYIDIN			
		CIRI KEPIMPINAN			
		ABU BAKAR AS-SIDDIQ	UMAR AL-KHATTAB	UTHMAN BIN AFFAN	ALI BIN ABI TALIB
1. Zaman **Rasulullah SAW** 1H – 11H 622M – 632M	**Pusat pemerintahan:** Madinah **Pimpinan:** Rasulullah SAW	**Tegas** • Tegas dalam memerangi golongan murtad, nabi palsu dan golongan yang enggan membayar zakat. **Berpandangan jauh** • Mengarahkan Zaid bin Thabit mengetuai usaha menghimpunkan tulisan ayat al-Quran yang terdapat pada kepingan-kepingan batu, tulang, pelepah tamar dan kulit haiwan kerana ramai penghafaz al-Quran terkorban dalam Peperangan Yamamah. **Setia dengan arahan Rasulullah s.a.w** • Meneruskan tindakan Rasulullah s.a.w untuk menghantar Usamah bin Zaid sebagai panglima Angkatan tentera Islam kepada Kerajaan Ghassan kerana telah membunuh utusan Rasulullah s.a.w. **Mengamalkan syura** • Mengambil kira pandangan para sahabat dalam menentukan strategi peperangan menentang tentera Rom, dengan strategi pembahagian empat pasukan tentera sehingga berjaya menawan negeri Syam.	**Tegas** • Menggantikan kepimpinan Khalid bin al-Walid sebagai panglima Angkatan tentera Islam dengan Abu Ubaidah bin al-Jarrah semasa Perang Yamamah. **Berfikiran terbuka** • Bersedia ditegur Rasulullah SAW dan menerima pendapat sahabatnya Abu Bakar as-Siddiq tentang pembebasan tawanan perang Badar kerana menghormati keputusan mesyuarat. **Adil** • Memastikan kebajikan rakyat terpelihara dengan meninjau sendiri keadaan rakyatnya termasuk menyamar sebagai rakyat biasa. **Cekap** • Menubuhkan Majlis Syura dan beberapa jabatan baharu (Ad-Diwan) serta mengemaskini Baitulmal bagi melicinkan pentadbiran negara. • Membahagikan wilayah Islam kepada beberapa bahagian pentadbiran di bawah kuasa seorang gabenoryang cekap seperti Muawiyah bin Abu Suffian dan Amru bin Al-A's.	**Berpandangan jauh** • Menubuhkan Jawatankuasa Khas pembukuan al-Quran yang diketuai oleh Zaid bin Thabit menggunakan lahjah Arab Quraisy yang dikenali sebagai Mashaf Uthmani demi memelihara kesucian al-Quran. **Berfikiran terbuka** • Melonggarkan syarat penggunaan harta baitulmal. • Membenarkan sahabat keluar dari Kota Madinah **Prihatin** • Menyumbangkan harta dan kekayaannya untuk pertahanan negara. • Membesarkan Masjid Nabawi untuk keperluan dan keselesaan umat Islam **Inovatif** • Menubuhkan Angkatan tentera laut Islam sehingga berjaya meluaskan empayar Islam khususnya di Syam dan Mesir	**Tegas** • Memecat beberapa gabenor yang dilantik oleh Khalifah Uthman seperti Muawiyah bin Abi Suffian dan Abu Musa al-Asyari untuk meredakan kemarahan puak pemberontak. **Berpandangan jauh** • Menangguhkan hukuman qisas terhadap pembunuh khalifah Uthman bin Affan kerana keadaan negara yang masih huru hara dan dikuasai oleh puak pemberontak. **Berilmu** • Memiliki ketinggian ilmu dalam pelbagai bidang sehingga dilantik sebagai Hakim di Yaman. **Berani** • Menyertai hampir kesemua peperangan seperti Perang Badar dan Perang Khaibar serta berada di barisan hadapan. • Sanggup menerima jawatan khalifah walaupun mengetahui bebanan yang bakal dihadapi.
2. Zaman **Khulafa' Ar-Rasyidin** 11H – 40H 632M – 661M	**Pusat pemerintahan:** Madinah **Khalifah:** - Abu Bakar as-Siddiq - Umar bin Al-Khattab - Uthman bin Affan - Ali bin Abi Talib				
3. Zaman **Kerajaan Umaiyah** 41H – 132H 661M – 750M	**Pusat pemerintahan:** Damsyik **Khalifah Yang terkenal:** - Muawiyah bin Abi Suffian - Abdul Malik bin Marwan - Al-Walid bin Abdul Malik - Umar bin Abdul Aziz				
4. Zaman **Kerajaan Abbasiyah** 132H – 656H 750M – 1258M	**Pusat Pemerintahan:** Baghdad **Khalifah yang terkenal:** - Abu Al-Abbas As-Saffah - Abu Jaafar al-Mansur - Harun Ar-Rasyid - Abu Jaafar al-Makmun				
5. Zaman **Kerajaan Uthmaniah** 698H – 1341H 1299M – 1924M	**Pusat pemerintahan :** Istanbul **Sultan yang terkenal:** - Uthman Ertughrul - Urkhan - Muhammad al-Fateh - Sulaiman al-Qanuniy				
Nota : Antara tahun 656H hingga 698H selepas kejatuhan Kerajaan Abbasiyah di Baghdad, Kerajaan Abbasiyah diteruskan di Mesir.					

PENCAPAIAN PEMERINTAHAN KHULAFA' AR-RASYIDIN						IKTIBAR PEMERINTAHAN KHULAFA' AR-RASYIDIN
AGAMA	**POLITIK**	**EKONOMI**	**SOSIAL**	**KETENTERAAN**	**PENDIDIKAN**	
Khalifah Abu Bakar As-Siddiq • Berjaya memerangi golongan murtad, nabi palsu dan golongan yang enggan membayar zakat. **Khalifah Umar bin al-Khattab** • Menyebarkan dakwah Islam sehingga tersebar di Wilayah Mesir, Parsi dan Rom.	**Khalifah Abu Bakar As-Siddiq** • Pembukaan wilayah baharu Islam di sebahagian wilayah Iraq dan Syam. **Khalifah Umar bin al-Khattab** • Menubuhkan Majlis Syura, Jabatan Tentera, Jabatan Polis, Jabatan Perukaian dan Jabatan Perbendaharaan Negara. **Khalifah Uthman bin Affan** • Berjaya mematahkan pemberontakan dan penaklukan serta meluaskan kuasa wilayah Islam hingga ke Rom, Mesir dan Afrika Utara serta menawan Pulau Cyprus.	**Khalifah Umar bin al-Khattab** • Memperkenalkan pelbagai cukai baharu seperti cukai jizyah dan kharaj. • Memajukan system pengairan dan saliran melalui pembinaan terusan Amirul Mukminin di Mesir dan di Basrah. • Mengemas kini institusi baitulmal dan meneroka tanah baharu untuk memperbaik hasil pertanian. **Khalifah Ali bin Abu Talib** • Meneruskan kutipan jizyah yang dikenakan terhadap golongan zimmi	**Khalifah Umar bin al-Khattab** • Mengasaskan takwim Islam sebagai asas permulaan pengiraan tahun hijrah. • Memperkenal Undang-undang Pentadbiran Tanah untuk menghormati hak sosial dan menjaga kebajikan rakyat. • Membina kemudahan awam seperti tali air untuk kemudahan pertanian.	**Khalifah Umar bin al-Khattab** • Meneruskan pembebasan negeri di wilayah Iraq. • Membuka Baitulmaqdis, Palestin dan Mesir **Khalifah Uthman bin Affan** • Menubuhkan Angkatan tentera laut Islam yang pertama bagi tujuan keselamatan dan peluasan kuasa.	**Khalifah Abu Bakar As-Siddiq** • Mengumpul dan menulis semula naskhah al-Quran susulan 70 orang penghafaz al-Quran syahid dalam Peperangan Yamamah. **Khalifah Umar bin al-Khattab** • Menubuhkan sekolah, iaitu al-Kuttab yang dikhususkan untuk kanak-kanak. **Khalifah Uthman bin Affan** • Menyelaraskan bacaan (qiraat) dan penulisan mashaf al-Quran menggunakan Bahasa Quraisy dengan nama Mashaf Uthmani	Sebagai umat Islam, kita hendaklah • Mencontohi kepimpinan khalifah dengan mengutamakan kesejahteraan agama, rakyat dan negara. • Menggiatkan usaha dakwah agar kebenaran Islam dapat disebarkan. • Mengukuhkan perpaduan umat Islam dengan memelihara hak antara satu sama lain. • Menyumbang kepakaran untuk pembangunan dan kemajuan negara. • Mengamalkan akhlak yang terpuji agar menjadi contoh teladan yang baik. • Menyokong kegiatan ekonomi umat Islam supaya umat Islam dihormati.

PELAJARAN 19 : KERAJAAN UMAIYAH

Sejarah Kerajaan Umaiyah

Asal penubuhan :
- Bersempena nama Umaiyah bin Abdul Syam bin Abdul Manaf, iaitu salah seorang daripada pemimpin keturunan Quraisy

Pengasas :
- Muawiyah bin Abi Sufian

Tempoh memerintah :
- Tahun 41H - 132H

Keluasan Kerajaan :
- Meliputi sebahagian besar benua Afrika, Asia dan Eropah.

Bilangan khalifah :
- 14 orang

Khalifah yang terkenal :
1. Muawiyyah bin Abi Sufian
2. Abdul Malik bin Marwan
3. Al-Walid bin Abdul Malik
4. Umar bin Abdul Aziz

Khalifah pertama :
- Muawiyyah bin Abi Sufian

Khalifah terakhir :
- Marwan bin Muhammad

Pusat Pemerintahan :
Damsyik, Syria

Ikhtibar Daripada Pemerintahan Kerajaan Umaiyah
- Kita hendaklah memartabatkan ajaran al-Quran dan as-Sunnah dalam urusan kepimpinan agar syariat Islam ditegakkan
- Kita hendaklah mencontohi sifat-sifat mulia yang ada pada khalifah Islam seperti zuhud, tegas, berilmu, dan bijaksana
- Kita hendaklah menjaga hubungan baik antara pemimpin dengan rakyat agar hidup harmoni
- Kita hendaklah menjaga kebajikan sesama rakan agar megeratkan kasih sayang

Khalifah yang terkenal pada zaman Kerajaan Umaiyah

Muawiyah bin Abi Sufian
- Khalifah Pertama
- 19 Tahun 3 Bulan (41H-60H)

- Menjadikan Damsyik sebagai pusat pemerintahan Islam yang terkenal
- Mewujudkan perkidhmatan pos berkuda (Diwan al-Barid)
- Memperkenalkan cop mohor rasmi kerajaan Umaiyah (Diwan al-Khatim)
- Menubuhkan jabatan setiausaha (ar-Rasail), jabatan cukai dan jabatan urusan awam.
- Memperkasakan armada laut.

Abdul Malik bin Marwan
- Khalifah Kelima
- 21 Tahun (65H-86H)

- Menetapkan bahasa arab sebagai bahasa rasmi dalam urusan pentadbiran negara.
- Mencetak mata wang dinar Islam pertama bertulisan arab dan berteks al-Quran
- Menaiktaraf perkhidmatan pos dan sistem pengangkutan awam
- Menubuhkan Diwan al-Jund untuk mengurus pertahanan negara
- Mengarahkan pembinaan Qubbatus Sakhrah di Baitul Maqdis

Al-Walid bin Abdul Malik
- Khalifah Keenam
- 9 Tahun 7 Bulan (86H-96H)

- Pembukaan wilayah baharu Islam seperti Andalusia dan India
- Memperbaiki dan mencantikkan seni bina Masjid an-Nabawi
- Membina banyak masjid baharu seperti masjid Umawi di Damsyik yang bercirikan seni bina Islam
- Memberikan perhatian kepada rakyat yang berkeperluan khas seperti golongan warga emas dan orang buta dengan menubuhkan jabatan khas
- Menggalakkan pembinaan bangunan baharu bercirikan seni bina Islam
- Memperbaiki jalan raya menuju ke negeri Hijaz bagi memudahkan perjalanan jemaah haji ke Baitullah al-Haram

Umar bin Abdul Aziz
- Khalifah Kelapan
- 2 Tahun 5 Bulan (99H-101H)
- Mengecualikan bayaran cukai jizyah terhadap kafir zimmi sehingga ramai yang memeluk Islam
- Mengeluarkan arahan rasmi kepada Ibnu Shibab az-Zuhri untuk membukukan hadis Rasulullah SAW.
- Membina rumah transit untuk membukukan untuk para pedagang
- Menaik taraf infrastuktur untuk kemudahan rakyat seperti hospital, jambatan, perigi, jalan raya dan sistem pengangkutan awam
- Mengasaskan Diwan Penasihat yang dianggotai oleh para ulama untuk memberikan nasihat kepada khalifah

Faktor Kegemilangan Kerajaan Umaiyah

1. Agama
- Khalifah Umar bin Abdul Aziz telah menyemarakkan aktiviti keilmuan seperti pengajian al-Quran dan pembukuan hadis
- Khalifah al-Walid bin Abdul Malik telah menaik taraf dan membina institusi masjid seperti masjid an-nabawi untuk merancakkan aktiviti keagamaan

2. Politik :
- Pemilihan Damsyik yang stategik sebagai pusat pemerintahan oleh khalifah Muawiyah bin Abi Sufian telah berjaya mengukuhkan pentadbiran negara
- Pelantikan gabenor yang berwibawa berjaya menghapuskan pemberontakan oleh puak Khawarij dan Syiah
- Berjaya meluaskan wilayah Islam di Rom, China, India, Afrika Utara dan Eropah

3. Ekonomi :
- Pengurusan Baitul Mal yang cekap sehingga hasil pendapatan negara melebihi keperluan, contohnya pada zaman Khalifah al-Walid bin Abdul Malik
- Kerajaan berjaya memanfaatkan hasil daripada pertanian dan perdagangan untuk membangunkan negara.

4. Sosial :
- Penjagaan kebajikan rakyat menerusi bantuan kepada golongan yang memerlukan dan penyediaan kemudahan asas seperti masjid, jalan raya dan hospital
- Hubungan erat antara pemimpin dan rakyat mewujudkan suasana perpaduan dan harmoni dalam masyarakat

5. Ketenteraan :
- Pasukan angkatan tentera yang berdisiplin dan bersemangat jihad dalam mempertahakan agama dan negara.
- Kemudahan pengkalan tentera dan kapal perang yang dilengkapi dengan peralatan yang canggih
- Adaptasi strategi peperangan dengan meniru corak gerakan daripada Parsi dalam ketenteraan

6. Pendidikan
- Menjadikan masjid dan istana sebagai pusat perkembangan ilmu pengetahuan
- Galakan daripada khalifah Abdul Malik bin Marwan dan Umar bin Abdul Aziz agar rakyat menguasai pelbagai ilmu naqli seperti al-Quran, tafsir, hadis dan nahu

Faktor Kemerosotan Kerajaan Umaiyah

1. Politik
- Sistem lantikan khalifah secara monarki menimbulkan perebutan kuasa dan persaingan dalam kalangan anggota keluarga
- Pemberontakan oleh puak Syiah dan Khawarij serta golongan yang tidak berpuas hati dengan penubuhan kerajaan Umaiyah

2.Sosial
- Sikap taksub antara kabilah arab utara dan selatan sehingga mencetuskan perpecahan dan gerakan sulit untuk menumbangkan kerajaan
- Sikap diskriminasi sebahagian khalifah terhadap golongan mawali seperti bangsa Parsi dan Barbar dalam pemilihan jawatan gabenor

3. Akhlak
- Khalifah mengamalkan cara hidup mewah dan boros dalam perbelanjaan hingga menimbulkan rasa tidak puas hati rakyat
- Keruntuhan moral dalam kalangan khalifah kerana cenderung kepada hiburan dan kekejaman.

Maksud Mawali :
Orang bukan arab yang memeluk agama Islam dan memiliki keistimewaan yang sama dengan orang arab muslim tetapi dikehendaki membayar cukai tambahan.

PELAJARAN 20 : KERAJAAN ABBASIYAH

<table>
<tr><th rowspan="2">Sejarah Kerajaan Abbasiyah</th><th colspan="2">Khalifah Kerajaan Abbasiyah Yang Terkenal</th><th>Faktor Kegemilangan</th><th>Faktor Kemerosotan</th></tr>
<tr><td>Abu al-Abbas Abdullah bin Muhammad bin Ali as-Saffah</td><td>• Mengasaskan kerajaan Abbasiyah
• Mengembalikan keamanan dengan mematahkan serangan luar dari Farsi dan Byzantin.
• Menstabilkan keamanan dalam negara dengan mematahkan pemberontakan oleh golongan syiah dan khawarij</td><td rowspan="5">Agama
• Galakan khalifah beri peruntukan khas melalui Baitul Mal.
• Semangat jihad yang tinggi dalam menguasai pelbagai bidang ilmu seperti sains,kejuruteraan dan perubatan
• Peranan institusi pendidikan seperti masjid dan istana khalifah sebagai sebagai pusat pengajian ilmu Islam dan penyebaran dakwah.

Politik
• Kebijaksanaan khalifah Abu Jaafar al-Mansur menjadikan Baghdad sebagai pusat pentadbiran negara.
• Pemberontakan berjaya dihapuskan.
• Kestabilan politik.

Ekonomi
• Kedudukan Baghdad ditengah laluan perdagangan dari timur dan barat.
• Sektor pertanian, perindustrian dan perdagangan berjaya mendominasi pasaran antarabangsa.
• Inisiatif khalifah membina empangan, pusat-pusat perniagaan dan rumah api sebagai prasarana pertanian dan perdagangan.
• Sumber pengurusan Baitul Mal yang sistematik.

Sosial
• Layanan yang adil daripada khalifah dengan menghapuskan penindasan dan perhambaan.
• Kebebasan menamalkan agama mewujudkan suasana harmoni.
• Orang bukan Arab khususnya orang Farsi diberikan peluang memegang jawatan utama negara seperti jawatan perdana menteri

Ketenteraan
• Strategi peperangan yang mantap seperti strategi “al-karadis” telah berjaya mengalahkan serangan musuh.
• Inovasi peralatan peperangan yang moden dan canggih. Seperti manjanik, dabbabah dan barud.
• Keperihatinan pemimpin menjaga kebajikan tentera diutamakan melaui pemberian gaji dan bonus.
• Dasar keterbukan keanggotaan tentera kepada orang bukan Arab seperti Farsi dan Turki</td><td rowspan="4">Politik.
• Campur tangan pegawai berbangsa Parsi dan Turki dalam pemerintahan.
• Perebutan kuasa antara khalifah seperti al-Muntasir dan a-Mu’taz menyebabkan institusi khalifah menjadi semakin lemah.
• Perpecahan beberapa wilayah sehingga memberi peluang kepada pembentukan kerajaan kecil seperti Saljuk dan Buaih.

Sosial.
• Kebajikan rakyat terabai akibat kelemahan pentadbiran khalifah.
• Pemberontakan dalam kalangan puak Syiah dan Khawarij sehingga menganggu ketenteraman awam.

Ekonomi.
• Rusuhan dan pemberontakan sering berlaku menyebabkan pedagang luar tidak datang ke Baghdad. Hal ini menyebabkan dana Baitul Mal merosot.
• Sektor pertanian merosot kerana sistem pengairan tidak dapat dibaiki ekoran masalah kewangan.

Ketenteraan.
• Pertahanan ketenteraan yang lemah memudahkan serangan daripada pihak musuh seperti orang Georgia dan Armenia.
• Serangan daripada tentera Mongol (Hulagu Khan) telah meruntuhkan kekuatan kerajaan Abbasiyah.</td></tr>
<tr><td rowspan="4">Asal Penubuhan:
Diambil sempena nama bapa saudara Nabi iaitu al-Abbas bin Abdul Mutalib

Pengasas :
Abu Al-Abbas Abdullah As-Saffah

Tempoh Memerintah:
Selama 524 tahun
132H-656H
750M-1258M
(Lebih dari 5 kurun)

Keluasan Kerajaan:
Meliputi sebahagian besar benua Afrika, Asia dan Eropah

Bilangan Khalifah:
37 orang

Khalifah Terkenal:
- Abu al-Abbas Abdullah as-Saffah
- Abu Jaafar al-Mansur
- Harun Ar-Rasyid
- Al-Makmum

Khalifah Terawal :
Abu al-Abbas Abdullah bin Muhammad bin Ali as-Saffah</td><td>Abu Jaafar Abdullah bin Muhammad bin Ali al-Mansur</td><td>• Memindahkan pusat pentadbiran dari Damsyik ke Baghdad.
• Menaik taraf sistem cukai.
• Membina sistem pengairan dan saliran.
• Membina masjid asy-Syarqiah sebagai pusat aktiviti dakwah.
• Membina hospital di Baghdad.
• Memperkukuh kekuasaan terhadap wilayah al-Byzantin.</td></tr>
<tr><td>Harun Ar-Rasyid bin Muhammad al-Mahdi bin Al-Mansur al-Abbasi</td><td>• Memperkemaskan sistem percukaian Islam berpandukan kitab al-Kharaj.
• Mewujudkan jawatan ketua hakim negara (Qadhi al-Qudhah)
• Membina Baitul Hikmah (perpustakaan agung).
• Menjadikan Baghdad sebagai pusat tumpuan perdagangan, keilmuan da kebudayaan.
• Membina kemudahan awam seperti farmasi dan pusat pengajian.
• Menubuhkan majlis al-Munazarah sebagai pusat penyelidikan ilmu agama.</td></tr>
<tr><td>Abu Jaafar bin Abdullah al-Makmun bin Harun Ar-Rasyid</td><td>• Mempergiat usaha penterjemahan karya daripada Bahasa asing seperti Yunani dan Rom kedalam Bahasa Arab.
• Menjadikan Baitul Hikmah sebagai pusat penterjemahan negara.
• Membina Balai Cerap sebagai Pusat penyelidikan ilmu.
• Menyediakan biasiswa kepada pelajar cemerlang</td></tr>
<tr><td colspan="2">Iktibar daripada pemerintahan Abbasiyah :
1. Sebagai umat Islam kita hendaklah memilih pemimpin yang berwibawa untuk menerajui kepimpinan supaya urusan pentadbiran berjalan lancar.
2. Sebagai umat Islam kita hendaklah mencontohi dan mempraktikkan ciri-ciri kepimpinan Islam dalam pentadbiran agar menjadi contoh ikutan</td><td>Spektrum Ilmu :
Baitul Hikmah ialah perpustakaan terulung yang menempatkan terjemahan pelbagai karya asing seperti bahasa Yunani, Parsi, Cina dan India kedalam</td></tr>
</table>

Khalifah Terakhir : Abu Ismail Muhammad al-Mustaksim bin Harun al-Rasyid **Pusat Pemerintahan:** Baghdad, Iraq	terbaik. 3. Sebagai umat Islam kita hendaklah memanfaatkan sumber yang ada dengan bijak agar mampu bersaing di peringkat global. 4. Sebagai umat Islam kita hendaklah memiliki perasaan cinta akan negara dengan meningkatkan amalan patriotisme dalam diri. 5. Sebagai umat Islam kita hendaklah mengeratkan perpaduan antara kaum agar kehamonian terpelihara. 6. Sebagai umat Islam kita hendaklah memperbanyakkan penerokaan ilmu agar kegemilangan tamadun Islam terus terjamin.	**Pendidikan** • Aktiviti penterjemahan bahasa asing kedalam bahasa arab menggalakkan penguasaan dan kemahiran pelbagai disiplin ilmu. • Perkembangan pelbagai bidang ilmu berjaya melahirkan ramai sarjana dan ilmuan Islam seperti Ibnu Sina, Jabir bin Al-Hayyan dan al-Idrisi. • Galakan khalifah seperti Al-Makmun dengan memberi biasiswa kepada pelajar-pelajar cemerlang. • Kemudahan institusi pendidikan seperti masjid, istana khalifah perpustakaan dan pusat pengajian	Bahasa Arab

PELAJARAN 21: KEUNGGULAN TOKOH EMPAT MAZHAB

NAMA TOKOH	RIWAYAT HIDUP	KEPERIBADIAN	SUMBANGAN			
			HASIL KARYA	MENGASAS MAZHAB BERDASARKAN	MURID TERKENAL	MAZHAB TERSEBAR
IMAM ABU HANIFAH RA	**Nama Penuh**: al-Nukman bin Thabit Al Kufi **Tarikh Lahir** : 80 Hijrah di Kufah **Tarikh wafat** : 150 Hijrah **Kuniah** : Abu Hanifah **Guru :** - Hammad bin Abi Sulaiman - Sulaiman, A'tho' bin Yasar - Amru bin Dinar	- Sangat memuliakan ilmu - Kuat beribadat – cth Qiamullail, puasa sunat dan khatam al-Quran - Pemurah dan penyayang - Tidak terpengaruh dengan tawaran pangkat dan kedudukan	- Al Faraid - Al Fiqh Al Akbar - Al Alim Wal Muta'alim	- Fatwa para sahabat (Aqwalu sohabat) - Qias - Istihsan - Ijtimak - Uruf	- Abu Yusuf - Muhammad bin Hassan Assyaibani - Zufar bin al-Huzail	- Diseluruh Asia Tengah - Eropah
IMAM MALIK RA	**Nama Penuh:** Malik bin Anas Al Madani **Tarikh Lahir :** 93 Hijrah di Madinah **Tarikh wafat :** 179 Hijrah **Kuniah :** Abu Abdullah **Guru :** - Nafi' Al Madani - Muhammad bin Syihab Azzuhri - Yahya bin Said Al Ansori	- Mencintai Rasulullah sehingga sanggup tidak menunggang kuda dalam kota Madinah sebagai menghormati jasad Rasulullah. - Menghormati dan mencintai ilmu - berpegang dengan prinsip "Murid mencari guru" - Muliakan majlis pengajian hadis dengan memakai pakaian bersih dan wangi wangian. - Sanggup berkorban harta demi menuntut ilmu.	- Kitab Al Muatta'	- Amalan penduduk Madinah - Qias - Masoleh al-Mursalah	- Imam Shafie - Abdullah bin Abdul Hakam - Abdul Rahman bin Qasim	- Mesir - Andalus - Tunisia - Afrika
IMAM SHAFIE RA	**Nama Penuh**: Muhammad bin Idris AsShafie **Tarikh Lahir :** 150 Hijrah di Ghazzah **Tarikh wafat :** 204 Hijrah **Kuniah :** Abu Abdullah **Guru :** - Imam Malik bin Anas - Sufian bin Uyainah - Muslim Khalid al Zanji	- Sanggup tinggal bersama-sama dengan kaum Arab Badwi demi menguasai bahasa, kesusateraan dan kebudayaan Arab - Sanggup bermusafir jauh demi kecintaan terhadap ilmu. - Berani menegakkan kebenaran ketika difitnah oleh puak Syiah dan ketika berdepan dengan khalifah Harun Ar Rasyid - Pemurah kepada fakir miskin walaupun hidup sederhana - Warak dan kuat beribadat	- Ar Risalah - Al Um - Al Musnad	- Ijmak - Qias - Istidlal	- Ahmad bin Hanbal - Abu Ya'kub Yusuf bin Yahya al Buwaiti - Abu Ibrahim Ismail bin Yahya al Muzni	- Mesir - Iraq - Parsi - Syria - Malaysia - China - Indonesia - Brunai - Pakistan - India
IMAM AHMAD BIN HANBAL RA	**Nama Penuh:** Ahmad bin Muhammad bin Hanbal **Tarikh Lahir :** 164 Hijrah di Baghdad **Tarikh wafat :** 241 Hijrah **Kuniah :** Abu Abdullah **Guru :** - Imam As Shafie - Abu Yusof Al Qadi - Hammad bin Khalid	- Sentiasa menuntut ilmu walaupun telah mendapat gelaran imam yang mahsyur - Memiliki sifat pemaaf yang sangat tinggi - Banyak membaca dan menghafaz al –Quran semenjak 9 tahun - Kuat beribadat nawafil - Sanggup dipenjara kerana mempertahankan akidah	- Al Musnad - At Tarikh - Al I'llat	- Fatwa sahabat - Qias - Istishab	- Imam Hasan bin Musa - Imam Hanbal bin Ishak - Al Walid bin Muslim	- Baghdad - Mesir - Najd

IKTIBAR DARI KEUNGGULAN TOKOH				
• Mencontohi kegigihan dan kesabaran Imam Mazhab dalam menuntut ilmu sebagai bukti kecintaan terhadap ilmu	• Mengamalkan ilmu yang dipelajari supaya hidup diberkati Allah.	• Menghormati perbezaan pandangan antara mazhab supaya masyarakat hidup harmoni	• Menyebarkan ilmu dan kepakaran yang dimiliki agar dapat memberi manfaat kepada manusia sejagat.	• Berwaspada dalam meneliti sumber-sumber ilmu agar tidak terpesong dari syariat Islam.

PELAJARAN 22 : BERSIKAP BENAR MENJAUHKAN KEMUNAFIKAN

Maksud bersikap benar :
Tidak berdusta dari segi perkataan,perkhabaran dan perbuatan

Hukum bersikap benar :
Wajib

Dalil Naqli :
Firman Allah Surah Al-Ahzab, 70

يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُواْ ٱتَّقُواْ ٱللَّهَ وَقُولُواْ قَوۡلٗا سَدِيدٗا ٧٠

Maksudnya : Wahai orang beriman, bertaqwalah kepada Allah, dan katakanlah yang benar

Bersikap benar dalam setiap keadaan
- Menjalankan tugas yang diberikan dengan penuh tanggungjawab
- Bersikap jujur dan setia kepada organisasi tanpa menyalahgunakan kuasa dan kedudukan
- Menggunakan masa dengan sebaik-baiknya dengan menyiapkan kerja dalam tempoh yang ditetapkan
- Berdisiplin dan mengawal diri dari melakukan sesuatu yang boleh melanggar etika pekerjaan
- Bertanggungjawab dan melaporkan penyelewengan dan penyalahgunaan kuasa

Contoh Rasulullah SAW bersikap benar

Contoh 1
- Rasulullah SAW menyampaikan wahyu Allah kepada umat manusia dengan sifat benar
- Baginda tidak menokok tambah ayat yang disampaikan
- Ajaran Islam yang disebarkan juga tidak mengikut kehendak dan pendapat peribadi Baginda kerana setiap tutur katanya berdasarkan wahyu Allah SWT.

Contoh 2
- Terdapat sebilangan orang yang suka bergurau tetapi tidak berkata benar
- Mereka berasa seronok bergurau dengan cerita-cerita palsu
- Rasulullah SAW. juga pernah bergurau, namun Baginda sentiasa bersikap benar walaupun ketika sedang bergurau
- Pernah seorang perempuan tua telah datang bertemu dengan Rasulullah SAW supaya Baginda mendoakannya masuk ke syurga.
- Lalu Baginda memberitahunya bahawa orang yang tua tidak akan masuk ke dalam syurga.
- Wanita tua itu terus berlalu pergi sambil menangis.
- Lalu Rasulullah SAW bersabda "Kamu beritahulah kepadanya sesungguhnya dia tidak akan masuk syurga dalam keadaan tua kerana wanita-wanita penduduk syurga dalam keadaan gadis/muda"

Tuntutan bersikap benar :

Benar dalam tutur kata	• Tidak berbohong apabila berkata-kata dalam semua keadaan • Memelihara diri daripada mengeluarkan lafaz yang jelas mendatangkan dosa dan mengelirukan
Benar dalam niat dan kemahuan	• Berniat ikhlas kerana Allah SWT. • Berniat untuk membuat kebaikan semata-mata
Benar dalam keazaman dan cita-cita	• Bertekad mencapai apa-apa yang dicita-citakan • Tindakan yang dilakukan seiring dengan keazaman untuk mencapai matlamat
Benar dalam tugas	• Melakukan tugasan tanpa mengharapkan balasan • Melakukan tugasan dengan cara yang terbaik
Benar dalam menepati janji	• Berjanji dengan apa-apa yang mampu ditunaikan • Menunaikan apa-apa yang telah dijanjikan • Melaksanakannya tepat dengan sesuatu yang telah dijanjikan

Spektrum Ilmu :

Firman Allah Surah At-Taubah : 70
Yang bermaksud: Wahai orang-orang yang beriman, bertakwalah kamu kepada Allah dan hendaklah kamu berada bersama-sama orang yang benar.

Spektrum Ilmu :

- Bersikap benar menjauhkan diri dari sifat munafik
- **Tanda orang munafik :**
- Apabila berkata dia akan berdusta
- Apabila berjanji dia akan mungkiri
- Apabila diberi kepercayaan dia akan mengkhianatinya

Hikmah bersikap benar :
- Terpelihara daripada sifat munafik yang dibenci oleh Allah SWT.
- Menenangkan hati kerana tidak melakukan dosa
- Saling bekerjasama kerana wujud perasaan saling mempercayai
- Menjadi contoh teladan kepada orang lain kerana maruahnya dipandang tinggi.

PELAJARAN 23 : KHAUF DAN RAJA'

	KHAUF	RAJA'
Maksud	Takut kepada kemurkaan dan azab Allah SWT dengan menjauhi segala larangan-Nya.	Mengharapkan keredhaan Allah SWT dengan melaksanakan segala perintah-Nya.
Cara mendapatkan	**Cara mendapatkan Khauf :** • Bergaul dengan ulamak dan orang Soleh. • Mengambil iktibar kaum terdahulu. • Sentiasa bertaubat. • Sentiasa mengingati mati.	**Cara mendapatkan Raja' :** • Bermujahadah menentang nafsu. • Melaksanakan ibadah dengan istiqamah. • Tidak berputus asa merintih kepada Allah SWT.
Dalil nakli	Firman Allah : Surah Ali Imran, 175 Yang bermaksud : "Maka janganlah kamu takut kepada mereka tetapi takutlah kepadaku, jika kamu memang orang yang beriman"	Firman Allah : Surah As-Sajadah, 16 Yang bermaksud : "Mereka menjauhkan diri dari tempat tidur dan sentiasa berdoa kepada Tuhan mereka dengan perasaan takut serta penuh harap dan mereka mendermakan sebahagian daripada apa yang kami rezekikan kepada mereka".

Contoh Khauf dan Raja' yang diamalkan oleh Rasulullah SAW :
- Rasulullah SAW mendirikan solat gerhana matahari dengan khusyuk
- Pada sujud terakhir, baginda menangis kerana berasa takut Allah menurunkan azab.
- Lalu Rasulullah SAW merintih dengan bersabda :
  "Wahai Tuhanku, bukankah engkau telah berjanji kepadaku untuk tidak mengazab mereka pada ketika aku ada bersama-sama mereka? Tuhanku bukankah engkau telah berjanji kepadaku untuk tidak mengazab mereka apabila mereka memohon ampun? Sekarang kami sedang memohon ampun kepadamu." (Sunan Abu Daud).

Contoh Khauf dan Raja' yang diamalkan oleh Rasulullah SAW :
- Rasulullah SAW menziarahi seorang lelaki yang sedang terlantar.
- Rasulullah SAW bertanya tentang perasaannya pada ketika itu.
- Lelaki itu memberitahu baginda bahawa dia sangat mengharapkan rahmat Allah dan berasa sangat takut akan dosa-dosa yang pernah dilakukannya.
- Lalu Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud :
  "Tidak berhimpun kedua-duanya dalam hati seseorang hamba Allah pada ketika itu melainkan Allah memberikan apa yang diharapkan dan menyelamatkannya daripada apa-apa yang ditakutinya."

Konsep Khauf dan Raja' yang seimbang :
- Rasa takut kepada Allah SWT diiringi dengan tindakan yang selari dengan syarak.
- Mengharap keredhaan Allah SWT seiring dengan amal ibadah dan menjauhi maksiat.
- Ganjaran syurga menjadi motivasi untuk mendekatkan diri kepada Allah SWT.
- Rasa takut kepada balasan neraka menjadi benteng kepada maksiat.
- Rasa mengharap dapat mendorong melakukan ibadah tanpa putus asa terhadap rahmat Allah SWT.
- Khauf dan Raja' hendaklah berpaksikan *husnu dzhan* (bersangka baik) kepada Allah SWT.

Hikmah Khauf dan Raja' :
- Melahirkan insan yang sentiasa mengingati Allah SWT dalam setiap keadaan.
- Melahirkan insan yang bersungguh-sungguh dalam setiap pekerjaan kerana yakin Allah SWT melihat dan menilai setiap pekerjaannya..
- Mendidik jiwa insan agar menjauhi larangan Allah SWT kerana takut akan kemurkaan-Nya.
- Melahirkan insan yang sentiasa berasa gembira melakukan kebaikan supaya mendapat kemanisan iman.
- Melahirkan insan yang sentiasa bertawakkal kepada Allah SWTsetelah berusaha bersungguh-sungguh.

PELAJARAN 24: ADAB TERHADAP ORANG SAKIT DAN KURANG UPAYA

ADAB TERHADAP ORANG SAKIT

Hukum menjaga orang sakit ialah :
Fardhu kifayah

Adab terhadap orang sakit :

IBADAT	• Mendoakan kesihatan mereka • Membantu mereka yang ingin melakukan ibadat • Mengingatkan pesakit bahawa sakit adalah sebahagian daripada ujian Allah kepada hamba-Nya. • Membantu pesakit mengambil wuduk • Mengingatkan pesakit supaya menunaikan kewajipan kepada Allah • Mengingatkan pesakit supaya sentiasa mengingati Allah
EMOSI	• Memberikan semangat dan motivasi agar mereka sabar dan redha • Tidak melakukan sesuatu yang boleh menganggu ketenteraman mereka dengan bunyi bising dan tempoh ziarah yang lama. • Menggunakan tutur kata dan bahasa yang lemah lembut. • Memahami keperitannya menanggung kesakitan • Melayan pesakit dengan muka yang manis • Bersabar dengan rungutan dan tingkah laku pesakit.
FIZIKAL	• Memastikan tempat dan tubuh badan pesakit sentiasa bersih • Menyediakan keperluan dan kemudahan asas untuk pesakit • Menghantar pesakit ke tempat rawatan yang sesuai • Mengingatkan pesakit supaya makan ubat seperti yang dijadualkan oleh doktor.

Hikmah beradab kepada orang sakit :

- Menggembirakan pesakit agar hatinya tenang dalam menempuh ujian Allah.
- Mengeratkan ukhuwah sesama anggota masyarakat agar hidup diberkati Allah.
- Melahirkan keinsafan kerana diberikan nikmat kesihatan setelah melihat penderitaan pesakit.
- Dapat meringankn penderitaan yang dialami pesakit.
- Melahirkan sifat mengambil berat kepada golongan yang lemah.

ADAB TERHADAP ORANG KURANG UPAYA

Pengertian orang kurang upaya ialah :
Seseorang yang tidak mempunyai keupayaan untuk melibatkan diri secara efektif dalam masyarakat dari segi fizikal, mental, intelektual atau pancaindera sejak lahir atau selepasnya.

Adab terhadap orang kurang upaya :

IBADAT	• Menyediakan kemudahan kepada mereka untuk melakukan ibadat dengan selesa • Membantu mereka dengan memberikan tunjuk ajar mengenai urusan ibadat. • Melayani setiap permasalahan mereka dalam melakukan ibadat.
EMOSI	• Memberikan layanan dengan penuh kasih dan sayang terhadap mereka • Tidak mengejek dan menghina mereka • Menjaga sensitiviti mereka. • Tidak menakut-nakutkan mereka. • Menjaga cara percakapan atau interaksi dengan mereka.
FIZIKAL	• Memastikan kemudahan asas yang disediakan untuk mereka tidak disalahgunakan. • Menyediakan ruang dan memberikan peluang kepada mereka sesuai dengan keperluan mereka • Membantu mereka dari segi kewangan dan tenaga.

Hikmah beradab kepada orang kurang upaya :

- Menimbulkan rasa dihargai dalam diri orang kurang upaya kerana mendapat perhatian dan keistimewaan.
- Memupuk sifat kebersamaan terhadap semua golongan masyarakat agar perpaduan dapat diwujudkan
- Melahirkan rasa syukur kerana diberikan fizikal dan mental yang sempurna.
- Memudahkan orang kurang upaya melakukan urusan harian.

PELAJARAN 25: WASATIYAH MENJAMIN KECEMERLANGAN UMAT

Maksud Wasatiyah :
Pendekatan yang sederhana, seimbang, adil dan cemerlang dalam setiap tindakan.

4 Prinsip Wasatiyah :
1. Kesederhanaan
2. Keseimbangan
3. Keadilan
4. Kecemerlangan

KESEDERHANAAN :
Maksud kesederhanaan : Melakuan sesuatu dengan sempurna, tidak melampaui batas dan mematuhi syarat.

Aspek kesederhanaan :
- Menunaikan tugas dengan sempurna dan penuh tanggungjawab
- Memenuhi syarat dalam menunaikan tugas, mematuhi arahan dan prosedur dalam menjalankan amanah.
- Melaksanakan tugas sebagai hamba Allah dan khalifah di muka bumi.

KECEMERLANGAN :
Maksud Kecemerlangan : Pendekatan yang terbaik dalam melakukan kebaikan dan mencegah kemungkaran serta berkeyakinan teguh pada Allah.

Ciri-ciri umat cemerlang :
- Melakukan kebaikan seperti memakmurkan bumi, membangunkan negara dan membasmi kemiskinan.
- Mencegah diri daripada melakukan kezaliman, kefasikan dan kekejaman.
- Menggunakan kekayaan dunia untuk mendapatkan keredhaan Allah
- Melakukan semua tugas dan pekerjaan dengan ikhlas kerana Allah.

Hikmah melaksanakan prinsip wasatiyah :
- Syiar Islam dapat ditegakkan dengan menyempurnakan akhlak dan nilai-nilai murni.
- Pembangunan yang menyeluruh dan seimbang dapat diwujudkan kerana adanya kestabilan politik
- Ekonomi masyarakat yang stabil dapat dijana kerana tiada berlaku pembaziran.
- Tahap pendidikan masyarakat dapat ditingkatkan mengikut keperluan negara.
- Masyarakat yang aman damai dan bersatu padu dapat dibangunkan dengan melaksanakan prinsip-prinsip keadilan.

KEADILAN :
Maksud Keadilan : Meletakkan sesuatu sesuai dengan suasana, masa dan tempat.

Aspek keadilan :
- Menunaikan hak kepada mereka yang berhak menerimanya.
- Mengambil pendekatan pertengahan dan seimbang secara hikmah antara dua perkara yang esktrim.
- Tidak memenangkan mana-mana pihak dan berusaha mendamaikan pergaduhan.

KESEIMBANGAN :
Maksud Keseimbangan : Memenuhi keperluan rohani, jasmani dan akal secara sempurna dalam semua keadaan.

Aspek keseimbangan :

1. Rohani :
- Melaksanakan ibadah fardhu dan sunat dengan istiqamah.
- Menghayati Al-Quran dan berzikir dengan bersungguh-sungguh.
- Melakukan ibadah dengan ikhlas.

2. Jasmani :
- Mengambil makanan yang baik dan seimbang untuk menjaga kesihatan tubuh badan.
- Berehat setelah penat bekerja supaya badan kembali cergas dan bertenaga.
- Memenuhi keperluan biologi dan fitrah manusia.

3. Akal :
- Menjauhi barang larangan yang boleh merosakkan akal seperti dadah, dan arak
- Menggunakan akal sebaik-baiknya untuk meningkatkan ilmu
- Menggunakan akal untuk memajukan diri dan masyarakat serta meningkatkan pembangunan negara.

Spektrum Ilmu :
- Tiga orang lelaki telah ditegur oleh Rasulullah SAW kerana melakukan perkara yang melampaui batas, iaitu berpuasa sehingga tidak berbuka, mendirikan solat malam sehingga tidak tidur, dan seorang lagi tidak mahu bernikah.
- Sabda Rasulullah SAW: "Adapun demi Allah, akulah yang paling takutkan Allah dan yang paling bertakwa tetapi aku berpuasa dan berbuka, aku mendirikan solat kemudian aku berbaring, dan aku menikahi wanita, sesiapa yang membenci sunnahku maka dia bukan daripada kalanganku."

Spektrum Ilmu :

Ummah wasatiyah menggabungkan unsur jasad dan rohani tanpa mengabaikan mana-mana aspek . Mereka termasuklah :
- Umat yang terpilih dan adil
- Umat terbaik dan pertengahan dalam semua perkara dan tidak melampaui batas serta tidak lalai.
- Tidak berlebih-lebihan dalam urusan agama dan spiritual semata-mata seperti golongan Nasrani.
- Tidak mementingkan material semata-mata seperti Yahudi dan Musyrik





KEMENTERIAN PENDIDIKAN
JABATAN PENDIDIKAN NEGERI SEMBILAN

PANEL PENULIS: JU PENDIDIKAN ISLAM
SPI JPN NEGERI SEMBILAN